



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

Jilid III Bil. 1

Hari Isnin

24hb Mei, 1993

#### KANDUNGAN

#### MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali (Ruangan 1)

#### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Ruangan 1)

#### Mengangkat Sumpah di luar Dewan:

Y.B. Puan Hajah Salemiah binti Hashim

Y.B. Tuan Limun Laikin

Y.B. Tuan Hanipah bin Ahmad

Y.B. Tuan Ibrahim bin Daud

(Ruangan 2)

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

(Ruangan 2)

Memperkenankan Akta-akta

(Ruangan 3)

Perutusan daripada Dewan Rakyat

(Ruangan 4)

#### URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 5)

#### JAWAPAN-JAWAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 6)

#### USUL-USUL:

Jalan-jalan Hasuk ke Parlimen

(Ruangan 46)

Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli

(Ruangan 47)

Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah

Y.B. Tuan Rahim bin Baba

(Ruangan 49)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGASA**

Isnin, 25hb Mei, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Parlembagaan:

Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali (Terengganu)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH DCAPAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 26hb April, 1993, Seri Paduka Baginda Yang di-Partuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan DiRaja dalam Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu, dan setarusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

[TEKS TITAH UCAPAN DIRAJA DIEDARKAN]

**MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan ini iaitu Ahli-ahli Yang Barhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jaduai keenam dalam Perlembagaan pada 19hb April, 1993:-

- (1) Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim;
- (2) Yang Berhormat Tuan Limun Laikin;
- (3) Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad; dan
- (4) Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan pada tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat barkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:-

- (1) Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993;
- (2) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
- (3) Akta Jualan Langsung 1993;
- (4) Akta Bekalan Gas 1993;
- (5) Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1993;
- (6) Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan (Pindaan) 1993;
- (7) Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1993;
- (8) Akta Kewangan (No. 2) 1993;
- (9) Akta Suruhanjaya Palabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993;
- (10) Akta Koperasi 1993;
- (11) Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1993;
- (12) Akta Syarikat (Pindaan) 1993;
- (13) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (14) Akta Perubatan (Pindaan) 1993;
- (15) Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1993; dan
- (16) Akta Kanun Prosedar Jenayah (Pindaan) 1993.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rancangan Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang;

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

"20hb Mei, 1993.

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rancangan Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rancangan Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992;
- (2) Rancangan Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok).  
(Pindaan) 1992;
- (3) Rancangan Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993;
- (4) Rancangan Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993)  
1993; dan
- (5) Rancangan Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam  
(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1992.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

## URUSAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini, iaitu:-

- (1) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992;
- (2) Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1992;
- (3) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993;
- (4) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993; dan
- (5) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1992.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****JURURAWAT - PENGAMBILAN**

1. **Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah pengambilan bagi jururawat-jururawat diteruskan dari masa ke semasa olah kerana memandangkan kekurangan jururawat yang terlatih di dalam Kementerian ini; dan
- (b) kenapakah seseorang pemohon yang dipanggil temuduga sebanyak 4 hingga 5 kali masih menerima jawapan, "Dukacita, permohonan Puan tidak diterima" kerana sebagaimana yang diketahui jika seseorang pemohon itu tidak cukup syarat, maka ianya tidak dipanggil untuk menjalani temuduga itu.

**Timbalan Menteri Kementerian Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Partua, saya ingin memohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengambilan jururawat boleh, digulungkan kepada dua jenis iaitu pengambilan bagi jururawat pelatih mengikuti kursus latihan kejururawatan dan pengambilan jururawat terlatih yang telah barsara atau berhenti bagi lantikan secara kontrak.

Bagi pengambilan jenis pertama, iaitu pengambilan jururawat pelatih yang akan dilaksanakan secara berterusan

mengikut keperluan negara. Bagi pengambilan bagi lantikan kontrak yang terdiri daripada mereka yang telah bersara atau berhenti, pengambilannya akan dikaji semula apabila kekurangan jururawat terlatih di Kementerian Kesihatan telah dapat diatasi.

- (b) Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat iaitu pemohon yang tidak cukup syarat tidak dipanggil untuk menjalani ujian temuduga. Sungguhpun begitu, bukanlah semua pemohon yang dipanggil temuduga boleh diambil. Ini terpulanglah kepada jumlah kakosongan yang perlu diisi. Di samping itu, temuduga juga bertujuan menilai kebolehan, kesesuaian, pengetahuan dan keperibadian seseorang pemohon berhubung dengan jawatan yang dipohon. Walaupun seseorang pemohon itu telah cukup syarat dari segi kelayakan yang diperlukan, tetapi jika ia didapati tidak sesuai dari segi ciri-ciri yang dinyatakan tadi ia tidaklah dapat diambil.

#### **LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG - KAWALAN KESELAMATAN**

**2. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kanapakah sistem kawalan keselamatan Lapangan Tarbang Antarabangsa Subang sejak akhir-akhir ini didapati merosot dan cuai sehingga menyebabkan saring berlaku pencerobohan di Lapangan Terbang itu baru-baru ini:

- (a) kenapakah kemerosotan kawalan keselamatan ini boleh berlaku;
- (b) apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi pencerobohan itu;
- (c) sudahkah diambil tindakan dan apakah bentuk hukuman yang dikenakan kepada penceroboh jika sabit kesalahannya; dan

- (d) adakah kesemua penceroboh-penceroboh itu ditakrifkan sebagai orang yang tidak siuman atau agen-agen upahan.

39. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa sistem keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan juga di tempat-tempat lain dalam negeri ini tidak begitu cekap sehingga berlaku beberapa kajadian di antaranya menyebabkan kematian seorang budak dalam roda tayar MAS baru-baru ini; jika sedar, apakah langkah-langkah dan cara yang lebih berkesan dalam mengawal dan memeriksa semua aspek keselamatan termasuk orang-orang kenamaan bagi memastikan perkara sedemikian tidak berlaku lagi;
- (b) berapa kalikah kajadian yang melibatkan perkara keselamatan yang berlaku di sepanjang lima tahun kebelakangan ini; dan
- (c) adakah apa-apa bentuk tindakan yang telah diambil terhadap sesiapa yang terlibat ataupun cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab juga soalan Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput iaitu No.39 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Partua, sistem keselamatan yang dilaksanakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan lain-lain lapangan terbang di Malaysia adalah mengikut piawaian dan peraturan antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Langkah-langkah yang diambil adalah selaras dengan peraturan-peraturan tersebut. Penyiasatan lanjut terhadap kes-kes pencerobohan sedang berjalan. Oleh hal yang demikian, adalah tidak wajar untuk beranggapan bahawa tahap keselamatan telah merosot.

Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan dalam usaha mengatasi pencerobohan adalah seperti berikut:-

- (i) mempertanggungjawabkan Malaysia Airport Berhad sebagai agensi untuk keselamatan seluruh kawasan lapangan terbang;
- (ii) meningkatkan rondaan;
- (iii) memperbaiki pagar keselamatan lapangan terbang di mana yang perlu;
- (iv) pemeriksaan yang lebih rapi termasuk spot-check ke atas pekarja-pekerja dan pengguna-pengguna lapangan terbang;
- (v) memperketatkan penguatkuasaan terhadap orang-orang yang dibenarkan untuk memasuki kawasan-kawasan tertentu;
- (vi) pengawalan yang lebih ketat dalam pengeluaran pass bagi memasuki Bilik-bilik Kenamaan (VIP).

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan juga sedang diambil untuk memperolehi alat-alat kelengkapan keselamatan baru seperti kereta pacuan empat roda dan motosikal untuk membolehkan anggota-anggota keselamatan menjalankan tugas rondaan dengan lebih berkesan.

Dari tujuh kes pencerobohan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tahun ini cuma kes yang melibatkan Mohd. Ariff telah selesai apabila Mahkamah Majistret Petaling Jaya telah mendapati yang beliau telah melakukan kesalahan. Tetapi oleh sebab-sebab yang Mohd. Ariff tidak siaman semasa melakukan kesalahan tersebut, maka beliau telah diperintah menjalani rawatan dan seterusnya diletak di bawah penjagaan sehingga diperintah oleh Raja yang memerintah di bawah seksyen 348 Kanun Aturcara Jenayah.

Hanya kas pencerobohan bersabit dengan Mohd. Ariff disahkan dilakukan oleh seorang yang tidak siaman. Sehingga kini tidak ada bukti yang menunjukkan penceroboh-penceroboh itu diupah.

Bagi menjawab sebahagian daripada soalan Yang Berhormat Tuan Isli, bilangan kes-kes pencerobohan ke atas lapangan terbang di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini adalah 18 kes. Penyiasatan Lanjut terhadap kes-kes pencerobohan baru-baru ini masih berjalan. Dan jika didapati sesiapa yang terlibat ataupun cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, tindakan tatatertib dan yang sewajarnya akan dikenakan.

**HASIL LAUT - JUMLAH NILAI**

3. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pertanian menyatakan:
- (a) berapa tan hasil laut dari ikan, udang dan kerang dalam tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992 di Semenanjung Malaysia;
  - (b) jikalau hasil laut itu bertambah atau turun dari tahun ke tahun, sila bagi penjelasan dan sebab; dan
  - (c) apakah cadangan Kementerian baru untuk mencipta hasil laut yang lebih tinggi.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil laut yang didaratkan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992 dan nilainya adalah seperti berikut:-

Tahun	Metrik Tan	Jumlah Nilai (RM)
1989	746,884	1,233,854,541
1990	819,903	1,359,945,618
1991	709,587	1,374,305,776
1992	760,728	1,587,568,355

- (b) Hasil laut telah meningkat dari tahun ke setahun kecuali tahun 1991 yang mana telah merosot. Walaupun hasil laut 1991 telah merosot sebanyak 13.5%, tetapi nilai hasil laut bagi tahun tersebut pun tetap meningkat sehingga 1.5%. Ini adalah kerana hasil ikan yang berharga rendah seperti ikan baja berkurangan manakala ikan berharga tinggi telah meningkat.

Bagi tahun 1992, hasil laut telah meningkat 7.2% dan nilai hasil laut juga meningkat 15.5% dibandingkan dengan tahun 1991.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber perikanan di sub-sektor laut pantai telah ditarokai di tahap maksimum, dan ini bermakna bahawa usaha tangkapan dari segi bilangan bot, perkakas dan nelayan tidak boleh ditambah lagi, bagi memastikan sumber tidak terjejas, Segala langkah yang diambil oleh Kerajaan sekarang ke atas perikanan laut pantai adalah untuk memastikan sumber tidak merosot dari kegiatan bot yang sedia ada.

Namun demikian, potensi pembangunan untuk sub-sektor laut dalam adalah masih terbuka luas, kerana masih terdapat kawasan Zon Ekonomi Eksklusif negara yang masih belum diterokai sepenuhnya khususnya di kawasan Malaysia Timur dan Pulau Layang-layang. Ini bermakna pertambahan pengeluaran ikan laut pada masa-masa hadapan akan disumbangkan oleh sub-sektor laut dalam.

Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menambah pengeluaran ikan laut ialah:

- (i) memesatkan pencerocokan kawasan Zon

Ekonomi Eksklusif negara yang masih belum diterokai sepenuhnya iaitu di perairan Sabah dan Sarawak serta melalui pemodenan teknik penangkapan ikan bot-bot laut dalam.

- (ii) Mempertingkatkan infrastruktur khususnya Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak bagi menyediakan kemudahan kepada bot-bot tempatan dan bot asing yang ingin memasarkan ikan di negara ini.
- (iii) Menggalakkan pertumbuhan industri pemerosesan hiliran dan sokongan bagi menggalakkan perkembangan industri perikanan laut dalam.
- (iv) Menjalankan penyelidikan dan latihan kepada nelayan dan pengusaha tempatan bagi menggalakkan mereka menerokai perairan negara dan lautan antarabangsa.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin tahu sama ada benar atau tidak Kementerian Pertanian telah membekukan lesen pukut tunda darat bagi nelayan-nelayan pantai yang beroperasi bermula daripada bulan November sehingga bulan Mac?

Soalan saya yang kedua, apakah benar atau tidak pihak Kementerian Perikanan menghadkan setiap buah bot nelayan hanya memiliki satu lesen menangkap ikan sahaja, umpamanya bot si Mamat mempunyai lesen pukut jerut ikan, maka dia tidak dibolehkan memiliki lesen jenis-jenis menangkap ikan yang lain-lain?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi lesen-lesen untuk menangkap ikan baik di zon pantai ataupun laut dalam, satu kajian keseluruhan telah dijalankan dan selepas itu lesen-lesen bagi zon telah diberi.

Buat masa sekarang adalah benar bahawa lesen-lesen itu dibekukan, oleh kerana Kementerian Pertanian mendapati bilangan lesen yang talah diberi adalah mencukupi untuk menerokai sumber laut yang sedia ada. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula dari masa ke samasa.

Mengenai permohonan lesen oleh nelayan-nelayan, seperti saya jawabkan tadi, mereka yang mengusaha dalam penangkapan ikan baik di peringkat pantai ataupun di zon laut telahpun dibekalkan dengan lesen-lasen. Tetapi selepas semua yang terlibat diberi lesen, buat sementara waktu pengeluaran lesen dibekukan, maka tidak dapatlah kalau ada yang mempunyai sebuah lesen untuk menangkap ikan memohon bagi lesen yang lain atau baru buat sementara waktu.

#### LESEN PSV - BILANGAN PENGELUARAN

4. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:
- (a) berapakah bilangan lesen PSV yang telah dikeluarkan di seluruh negara. Barikan kategori lesen PSV yang telah diluluskan setakat ini; dan
  - (b) bilangan lasen yang telah diluluskan mengikut negari-negeri.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah. Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan lesen PSV yang telah dikeluarkan di seluruh negara adalah berjumlah 152,173. Kategori lesen PSV yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

**LESEN PSV**

<b>Bas</b>	<b>Taksi/Kereta Sewa dan Limousine</b>	<b>Konduktor</b>
36,594	83,447	12,132

Bilangan lesen PSV yang telah diluluskan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan</b>
Johor	23,694
Kedah	2,987
Kalantan	5,175
Melaka	4,120
Negeri Sembilan	8,577
Pahang	7,463
Perak	29,478
Perlis	3,380
Pulau Pinang	6,274
Selangor	44,281
Terengganu	4,358
Wilayah Persekutuan	7,453
Sarawak	2,391; dan
Sabah	2,542
Jumlah	152,173

**Datuk Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Barhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada hari ini disebabkan 'Operasi Timbang Berat Lori' yang dilakukan di kawasan Slim River, maka bilangan lori yang menunggu sehingga operasi itu selesai adalah begitu banyak sakali, mungkin 300 buah. Maka ini nampaknya akan mengelirukan kenderaan lalu lintas di main Righway itu. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan oleh kerana menunggu sehingga operasi itu salesai baru lori itu hendak berjalan, tidakkah ada usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah seumpama ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tadi tidak kena-mengena dengan operasi lori itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bersetuju, tidak payah menjawabnya.

#### **AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976 - ADUAN MENGENAI PEGUAM**

5. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah Kamentarian sedar bahawa banyak aduan yang melibatkan disiplin dan etika kerja para peguam yang melanggar peraturan peguam kepada pengguna tidak dapat diselesaikan oleh Majlis Peguam kerana pindaan baru kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 ("AKTA") yang memerlukan semua aduan dirujuk kepada suatu Lembaga Tatatertib yang sehingga sekarang masih lagi belum ditubuhkan. Ini menyebabkan banyak kes aduan masih tertangguh. Jika sedar, apakah langkah dan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]** : Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan atas permintaan Majlis Peguam telah melalui Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1992, membolehkan penubuhan satu tatacara tatatertib yang baru untuk mengawal disiplin dan etika kerja di kalangan peguam, Akta pindaan tarsebut telahpun dikuatkuasa pada lhb April, 1992. Di bawah tatacara baru ini telah ditubuhkan satu Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa-jawatankuasa Tatatertib dan Panel-panel Tribunal Penyiasatan untuk menyiasat dan menimbang sebarang aduan yang diterima terhadap peguam. Seorang Hakim Mahkamah Agung telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tatatertib.

Tanggungjawab untuk melaksanakan tatacara baru ini adalah terletak kepada Majlis Peguam. Lembaga Tatatertib mengenai disiplin peguam-peguam telah dilantik oleh Hakim Besar Malaya pada 21hb Mei, 1993 dan. Lembaga tarsebut dijangka akan bersidang selepas sahaja perlantikan ahli Lembaga diwartakan.

Kementerian sedang mengawasi perkara ini dan jika masih terdapat sebarang kelewatan selepas ini, Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, kalau sekiranya Lembaga Tatatertib ini membuat keputusan dan kalau peguam itu merasakan bahawa dia parlu merayu, ke manakah rayuan itu hendak dihalakan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Partua, sekarang kita sudah ada Tatacara Tatatertib dan Lembaga Tatatertib juga telah ditubuhkan untuk rayuan. Jadi, dia tidak ada tempat lain untuk merayu melainkan kepada Badan Tatatertib ini atau Lembaga tersebut.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian, mengapakah nampaknya Majlis Peguam tidak sudah-sudah membenci Kerajaan dengan tidak tentu pasal?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan dari Yang Berhormat itu tadi,

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak ada kena-mengena dengan soalan Asal.

**RUMAH TAMAN IKLIM SEDERHANA DI TAMAN PERTANIAN  
BUKIT CAHAYA SRI ALAM - JUMLAH PERBELANJAAN**

6. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk membina rumah salji dan salji tiruan di Taman Pertanian Bukit Cerakah, Selangor;
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan penyelenggaraan rumah salji dan salji tiruan tersebut bagi tahun 1991 dan 1992; dan
- (c) apakah hasil manfaat yang diperolehi oleh Kerajaan atas pembinaan rumah salji dan salji tiruan tersebut,

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah perbelanjaan untuk membina Rumah Taman Iklim Sederhana, di Taman Pertanian Bukit Cahaya Sri Alam, Selangor ialah sebanyak RM8,940,818.
- (b) Jumlah perbelanjaan untuk tujuan penyelenggaraan Rumah Taman Iklim Sederhana, di Taman Pertanian Bukit Cahaya Sri Alam bagi bulan September, 1991 hingga September, 1992 berjumlah RM1,869,952,50 dan bagi tempoh yang sama untuk tahun untuk tahun 1992/1993 ialah berjumlah RM1,661,634.67.

(c) Hasil manfaat yang diperolehi oleh Kerajaan di atas pembinaan Rumah Taman Iklim Sederhana antaranya ialah dari segi pemindahan teknologi tinggi di mana penyelidik-penyelidik terutamanya di MARDI akan dapat pengetahuan-pengetahuan asas mengenai pengawalan persekitaran seperti suhu dan kelembapan udara yang mempengaruhi pembesaran tanaman-tanaman iklim sederhana serta kaedah-kaedah pembungaan tanaman-tanaman yang terdapat dalam bangunan tersebut yang berjumlah lebih daripada 200 spesis. MARDI juga dapat mengkaji kesesuaian beberapa jenis bunga-bunga temperate seperti rose, lily, azalea dan lain-lain di dalam iklim terkawal. Kajian masih diteruskan untuk mendapatkan data-data jangka panjang mengenai prestasi tanaman-tanaman iklim temperate yang lain ke arah memantapkan lagi keupayaan Malaysia menerokai bidang teknologi tinggi hortikultur.

Dari segi hasil, Kerajaan meperolehi sejumlah RM294,635 mulai Julai, 1992 (bayaran mula dikenakan pada tarikh tersebut) sehingga bulan April, 1993 di mana setiap pengunjung dikenakan bayaran masuk sebanyak RM3 bagi

dewasa dan RMI bagi kanak-kanak. Jumlah pelawat dari tahun 1991 hingga April, 1993 ialah melebihi 300,000 orang.

Dari segi peningkatan ilmu pengetahuan kepada masyarakat umum di mana sebahagian besar pelawat seramai 300,000 orang (pada tahun 1991, 1992 dan 1993) adalah dari kalangan pelajar. Mereka dapat melihat sendiri perubahan-perubahan musim yang meliputi musim-musim panas, gugur, salji dan bunga serta bagaimana kaedah-kaedah putaran musim ini mempengaruhi tanaman.

Sebagai potensi pusat rekreasi (agro-Courism), Rumah Taman Iklim Sederhana dapat membantu pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong menikmati keindahan di musim-musim salji, bunga dan gugur seperti yang berlaku di negara-negara Barat, khususnya bagi mereka yang tidak pernah melawat negara-negara Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Wan Hamid Edruse bin Tuanku Haji Mohamad.

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.7,

**"AUTOMATIC DOOR" KKNDEeraan - MEMBAHAYAKAN**

7. **Tuan Douglas Sullang Anak Ganda [di bawah SO. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa "automatic door" atau penggunaan pintu yang boleh dibuka secara automatik oleh sesetengah jenis kenderaan adalah membahayakan keselamatan pengguna jalanraya yang lain terutama sekali pengguna motosikal. Jika sedar, adakah beliau akan melarang penggunaan pintu kenderaan seperti itu; jika tidak, mengapa.

**Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini terdapat dua jenis kenderaaan perkhidmatan awam yang menggunakan pintu automatik, iaitu bas dan teksi. Pintu automatik yang digunakan bas adalah jenis yang berlipat dan ianya tidak membahayakan pengguna jalan raya lain kerana pintu automatik tidak terkeluar dari ruang badan bas apabila ianya dibuka. Bagi teksi, pintu yang boleh dibuka secara ocomatik hanyalah pintu sebelah kiri bahagian belakang sahaja. Sebenarnya pintu itu tidak terbuka secara automatik akan tetapi ianya dikawal oleh pemandu teksi melalui tuil atau lever, dengan izin, di sebelahnya. Pintu ini juga boleh dibuka dengan secara biasa oleh penumpang. Memandangkan pintu yang dibuka secara automatik adalah pintu sebelah kiri bahagian belakang, maka ia tidak merupakan satu bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain. seperti motosikal. Memandangkan pintu automatik yang digunakan sekarang ini tidak membahayakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain, maka Kerajaan tidak bercadang untuk melarang penggunaannya.

**PERSATUAN-PERSATUAN PERDAGANGAN - INSENTIF FISKAL**

8. **Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Kewangan menyatakan
- (a) adakah Kerajaan Persekutuan sedang memberikan apa jua insentif-insentif fiskal kepada persatuan-persatuan dagangan dan, kumpulan-kumpulan perindustrian bagi menggalakkan mereka mencebutkan diri dalam pembangunan sumber-sumber manusia;
  - (b) kalau tidak, mengapa tidak dan adakah Kementeriaannya akan menimbang memberikan insentif-insentiffiskal ini pada masa depan; dan
  - (c) kalau ada, apakah insentif-insentif fiskal yang sedang diberikan dan adakah bilangan serta nilai insentif-insentif ini akan dipertingkatkan, lagi.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun taksiran cukai 1988, Kerajaan memberi galakan fiskal dalam bentuk potongan cukai bagi menggalakkan persatuan dagangan dan syarikat-syarikat menceburkan diri dalam pembangunan sumber manusia. Insentif ini diberikan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan program latihan dalam bidang yang diluluskan oleh Kerajaan.

Insentif ini adalah dalam bentuk potongan cukai dua kali kepada syarikat-syarikat yang menghantar pekerja mereka berlatih di institusi latihan sama ada yang ditubuhkan oleh institusi latihan Kerajaan ataupun swasta.

Sejak tahun taksiran 1992, galakan potongan dua kali ke atas perbelanjaan di segi latihan yang diluluskan ini diberikan kepada semua syarikat tanpa mengira saiz dalam bidang perkilangan dan juga bukan perkilangan. Sebelum ini galakan itu adalah terhad kepada syarikat-syarikat perkilangan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tempoh Oktober, 1988 hingga Mac, 1993; Kerajaan telah meluluskan permohonan 317 buah syarikat bagi mendapatkan galakan cukai ini dan kos latihan yang terlibat bagi 317 buah syarikat itu ialah kira-kira RM13.1 juta.

#### **AJARAN SESAT - PEMBENDUNGAN**

9. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada ajaran-ajaran sesat di kalangan umat Islam telah dapat dihapuskan sejak wujudnya Bahagian Penyelidikan di Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri dan jika belum, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kursus tertentu kepada pengikut-pengikut ajaran sesat yang terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang boleh dikenali dari pakaian-pakaian mereka serta logo-logo di kereta dan van mereka.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, ajaran sesat di Malaysia memang dalam keadaan dapat dibendung. Ajaran-ajaran sesat yang utama seperti ajaran Taslim telahpun dikenalpasti dan dihebahkan kepada orang ramai tentang kesesatannya. Demikian juga beberapa ajaran lain yang berbentuk tarikat termasuk Aurad Muhammadiyah pegangan Darul Arqam.

Walau bagaimanapun, ajaran sesat memang tidak dapat dihapuskan sepenuhnya selagi ada manusia yang berkepentingan dan ingin menggunakan unsur-unsur agama bagi mencapai kepentingan peribadi, Ini berlaku di negara-negara lain juga dalam dunia ini. Tetapi dengan usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak Kerajaan, pihak berkuasa agama Negeri dan dengan kerjasama berbagai pihak, termasuklah media massa, maka keadaannya dapat dikawal,

Mengenai adalah segelintir pegawai-pegawai Kerajaan yang terpengaruh dengan satu kumpulan yang berpegang kepada Aurad Muhammadiyah yang telah diharamkan itu, Kerajaan sedang mengumpul nama-nama mereka untuk dikenalpasti sejauh manakah mereka terlibat dalam kumpulan berkenaan. Mereka ini akan dipulihkan melalui satu program pemulihan yang sedang dilaksanakan di Babagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Program pemulihan ini akan bermula pada tahun ini. Usaha membendung dan membanteraskan ajaran sesat ini terus dipergiatkan supaya ia tidak menjadi satu fenomena yang boleh mencemarkan ajaran Islam dan memecah-belahkan kehidupan masyarakat.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah ajaran mazhab Syi'ah termasuk dalam ajaran sesat, dan jika benar, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Jabatan Perdatia Menteri terhadap penghantaran kira-kira 30 orang lebih pelajar-pelajar daripada Maahad Masriyah Gunung Semanggul ke Rawalpindi, Pakistan untuk dihantar kemudiannya ke Qum di Iran. Dan apakah tindakan yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar kita yang berada di Taheran sekarang yang dikhuatiri jika kembali nanti akan menyebarkan ajaran Syi'ah di negara ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia mengamalkan mazhab yang lain. Syi'ah ini ialah satu mazhab yang amat berbeza. Selama ini kita tidak menggalakkan pengamalan Syi'ah di sini. Tetapi apa yang kita sebutkan berkenaan penyelewengan itu tadi sepertimana yang telahpun disebutkan oleh Kerajaan. Tentang perkara-perkara khusus itu, saya minta jawapan ini dibuat secara bertulis.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai Pusat Islam dengan alat jenteranya, juga Majlis-majlis Ugama Islam di negeri-negeri, dan beribu-ribu alim-ulamak dan pendakwah Kerajaan. Kenapakah alim-ulama ini tidak dapat membanteras golongan kecil sahaja yang membawa ajaran sesat ini? Adakah alim-ulamak Kerajaan yang beribu-ribu itu tidak lebih pandai daripada orang-orang yang membawa ajaran sesat?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas soalan yang disebutkan tadi tentang segelintir, kalau kita kira golongan yang tentu yang mengancamkan pengamalan

Islam di negara kita ini. Tetapi sungguhpun kita kata kumpulan-kumpulan ini kecil, tetapi mereka tidak menonjolkan dan hebahkan usaha-usaha mereka. Bahkan mereka bergerak secara senyap-senyap dalam masyarakat, hingga kesan buruk timbul, barulah kita dapat kesankan, Walau bagaimanapun, sebagaimana saya sebutkan tadi tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa mereka ini tidak dapat mewujudkan ancaman-ancaman yang besar dalam negara kita. Sebab itu alim-ulamak kita, khususnya mereka yang bertugas dengan Kerajaan, baikpun Kerajaan Persekutuan-mahupun Kerajaan Negeri mempunyai tugas tertentu dalam bidang masing-masing. Jadi, mereka yang diberikan tugas dan mengesan perkara-perkara ini sedang menjalankan tindakan yang tertentu sepertimana kita sebutkan tadi berkenaan Tariqat Muhammadiyah ini. Saya percaya dan saya masih yakin bahawa Kerajaan dapat mengawalkan kedudukannya sepertimana yang kita lihat pada hari ini. Sungguhpun ada keadaan-keadaan ini, tetapi tidak membawa ancaman menyeluruh.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pula masalah Ustaz Ashaari Muhamad ini, adakah Kerajaan masih membuka pintu untuk berdialog dengannya, ataupun kita hendak menunggu masa sahaja untuk menahannya?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Ini pun soalan khusus. Tetapi walau bagaimanapun, pada umumnya saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa amalan berkenaan Aurad Muhammadiyah ini telahpun kita haramkan. Hanya dari segi personaliti berkeaan Ustaz Ashaari ini belum kita putuskan.

**PELABURAN KE NEGARA CIS - GALAKAN**

10. **Tuan Haji Shuib bin Shawal**[di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah peruntukan-peruntukan dan persediaan yang telah dibuat untuk menjamin pelaburan Malaysia dalam negara-negara CIS terutama Azerbaijan. Apakah Kerajaan telah membuat kajian yang mencukupi terutamanya tentang kestabilan politik di negara berkenaan untuk memastikan pelaburan negara kita mendapat pulangan; dan
- (b) apakah polisi Malaysia dengan negara Asia Barat terutama setelah membuat beberapa lawatan ke negara-negara tersebut iaitu Republik Uzbekistan, Turkmenistan, Iran dan juga Pakistan dalam perkara-perkara berikut:
  - (i) apakah cadangan perdagangan dengan negara-negara tersebut; dan
  - (ii) apakah didapati sesuatu persetujuan 'consensus' antara negara Islam berkenaan dengan isu-isu yang melibatkan agama dan umat Islam.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan:

- (a) peranan Kerajaan adalah untuk mengadakan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain supaya hubungan ekonomi dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah. Pihak swasta pula menjalankan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara-negara tersebut, Peruntukan-peruntukan dan persediaan-persediaan yang dibuat untuk menjamin pelaburan di negara-negara lain adalah di dalam bentuk perjanjian-perjanjian kerjasama dan perlindungan

pelaburan. Lanya bertujuan untuk memudahkan lagi usahasama dan perdagangan-perdagangan dijalankan oleh sektor swasta kedua buah negara. Di samping itu, perjanjian-perjanjian tersebut juga menjamin pelaburan yang dijalankan mendapat layanan yang sama dan bebas daripada dimiliknegerakan. Sehingga kini tidak ada lagi sebarang perjanjian seumpama itu yang dimeterai di antara Malaysia dengan negara CIS termasuk Azerbaijan.

- (b) (i) selepas Republik Uzbekistan dan Turkmenistan mencapai kemerdekaan daripada bekas Kerajaan Soviet Union, Malaysia telah menjalin hubungan dan kerjasama yang lebih erat dengan kedua-dua buah negara tersebut serta dengan beberapa negara anggota CIS yang lain, Lawatan rasmi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada bulan Mei, 1992 ke Republik Uzbekistan, Republik Turkmenistan, Iran dan Pakistan dan membuka jalan kepada perhubungan dua hala yang lebih erat, terutamanya dalam aspek perdagangan dan palaburan. Besikutan daripada itu, Malaysia bercadang untuk menghantar beberapa misi perdagangan ke negara-negara tersebut untuk mengkaji kemungkinan mengadakan dan meningkatkan perdagangan dalam bidang-bidang tertentu.

Dalam hal ini, beberapa badan berkanun dan sektor swasta telah melahirkan hasrat untuk mengadakan perdagangan dan pelaburan ke dua-dua buah negara tersebut dalam bidang-bidang seperti minyak kelapa sawit, carigali minyak, perlombongan dan galian, telikomunikasi dan hasil pertanian.

Mengenai negara Pakistan, ianya pembeli terbesar minyak kelapa sawit Malaysia. Dalam hal ini, FELDA telahpun menandatangani perjanjian pembinaan loji penapis minyak kelapa sawit Pakistan yang akan dikendalikan secara usahasama dan rakan perdagangan daripada Pakistan. Ini akan menjamin pasaran bahan tersebut di Pakistan, di samping membolehkan ianya dipasarkan ka Asia Tengah melalui negara tersebut.

Di samping itu, kedua-dua negara juga telah bersetuju meningkatkan hubungan perkapalan di antara kedua-dua buah negara. Pakistan juga telah menawarkan kepada pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur Malaysia untuk menceburi projek-projek pembangunan hartanah, pusat peranginan, zon industri, barangan elektronik dan industri penerbangan.

- (ii) sehingga kini tidak ada sebarang masalah dalam mendapatkan persetujuan. "consensus", dengan izin, ke negara-negara tersebut mengenai isu-isu yang melibatkan agama dan umat Islam

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Russia, adakah Malaysia mempunyai kedutaan di negara CIS yang lain. Kalau tidak ada, adakah dalam cadangan kita untuk mengadakan kedutaan di negara CIS yang lain?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Duta Besar kita di Moscow mewakili Kerajaan kita di negara-negara bekas Soviet Union. Tetapi Kerajaan telahpun memutuskan untuk membuka satu lagi kedutaan, iaitu di Tashkent, Uzbekistan untuk mengawasi negara-negara di sekitar kalangan negara Uzbekistan, lebih-lebih negara-negara Islam bekas Republik Soviet Union.

#### **INDUSTRI SERAMIK - BANTUAN TEKNOLOGI TINGGI**

11. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan sudah mengiktirafkan Negeri Perak sebagai Pusat Pengeluar Seramik Negara, dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mempopularkan industri tersebut selain daripada apa yang sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Perak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menggalakkan usaha-usaha untuk menjalankan pembangunan industri tempatan, terutama di kawasan-kawasan yang kaya dengan sumber-sumber bahan mentah sepertimana pusat seramik yang terdapat di Perak. Penubuhan pusat seramik ini adalah selaras dengan dasar

Kerajaan untuk menggalakkan industri ini berkembang supaya mampu mengeluarkan keluaran-keluaran yang bermutu dan mempunyai nilai tambah yang tinggi. Pusat ini juga akan dapat mewujudkan satu sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap dan teratur, menyediakan penggunaan teknologi terkini yang dapat meningkatkan keupayaan pengusaha-pengusaha kecil bagi mencapai ekonomi bidangan, atau dengan izin, economies of scale.

Walau bagaimanapun, dari segi taraf pusat seramik ini adalah dianggap sama dengan pusat-pusat industri lain sama ada yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri atau pihak swasta yang lain. Dengan demikian, persoalan mengenai pengiktirafan satu-satu pusat pengeluaran seramik ataupun lain-lain bahan pengeluaran sebagai pusat pengeluaran negara tidak timbul memandangkan Kerajaan menggalakkan pertumbuhan pusat-pusat sedemikian berasaskan pembangunan industri dan kompetitif selaras dengan kemampuan kawasan berkenaan menyediakan sumber-sumber bahan mentah, gunatenaga dan lain-lain faktor yang menyokong pembangunan perindustrian yang cekap dan berdayasaing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri saramik adalah merupakan aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Dan dengan itu, layak untuk diberi pertimbangan insentif galakan cukai oleh Kerajaan.

Di samping itu, Institut Piawaian dan Panyelidikan Par-industrian Malaysia (SIRIM) juga mempunyai Pusat Teknologi Siramik yang berfungsi untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan, menyediakan khidmat-runding latihan kepada pengusaha-pengusaha untuk memajukan industri saramik.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bercadang supaya setiap negeri menumpukan kepada sesuatu industri yang tertentu supaya tidak berlaku pertindihan dan juga persaingan yang tidak sihat di antara satu negeri dengan negeri yang lain?

**Dato' S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Partua, dasar Kerajaan Pusat ialah untuk menggalakkan industri-industri di mana-mana negeri yang mempunyai bahan-bahan kompetitif seperti bahan-bahan mentah dan juga sumber manusia, pekerja dan sepertinya. Kita tidak ada satu dasar yang dikhususkan untuk satu industri kepada satu negeri. Saya rasa inilah satu tindakan yang tidak begitu boleh digalakkan kerana semua negeri ada mempunyai bahan-bahan mantah dan juga

bahan-bahan yang sama dengan lain-lain negeri. Jika kita khususkan kepada satu-satu negeri, ini akan menimbulkan masalah-masalah juga.

**PENYELUDUPAN ROKOK - KEHILANGAN HASIL**

12. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kerugian duti import yang dapat dikesan terhadap penyeludupan-penyeludupan rokok di seluruh Negara bagi tahun 1991 dan 1992; dan
- (b) adakah dengan kenaikan duti import yang tinggi terhadap rokok dapat mengurangkan tabiat merokok dan dalam hal ini dan berapa peratuskan orang yang merokok sudahpun berhenti merokok.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Partua, pada tahun 1991, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, telah mengesan 1,272 kes penyeludupan rokok dan pada tahun 1992, kes penyeludupan rokok barjumlah 1,355. Berdasarkan kuantiti rokok yang diseludup, maka anggaran kehilangan hasil bagi Karajaan Malaysia adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Nilai Karugian (RM)</b>
1991	14,686,749.92
1992	25,511,299.87

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan belum membuat sebarang kajian untuk mengetahui setakat manakah kenaikan duti import yang tinggi terhadap rokok Itu telah sedikit-sebanyak memberi kesan terhadap tabiat merokok.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada jumlah import rokok dalam setahun dua ini, maka bolehlah dirumuskan bahawa tabiat merokok ini telah berkurangan sedikit. Umpamanya, dalam tahun 1991, bilangan rokok yang diimport ialah 34,305,000 batang. Pada tahun 1992, bilangan rokok yang diimport ialah 31,397,000 batang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Partua, begitu banyak tangkapan dibuat, meraka yang ditangkap boleh membawa kerugian barjuta-juta ringgit. Kebanyakan semuanya boleh dikatakan bahawa penyeludup rokok ini ialah menyeludupkan rokok keretek. Adakah benar kata orang, rokok keretek ini ada unsur menguatkan seks? **[Ketawa]**

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Memang benar, kebanyakan rokok yang diseludup merupakan rokok karetek. Berkaitan dengan sama ada ia menaikkan syahwat, ini belum dapat dipastikan lagi. **[Ketawa]**

#### HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI KE UZBEKISTAN DAN IRAN

13. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke Uzbekistan dan Iran baru-baru ini dari segi perdagangan, diplomatik dan hubungan kabudayaan.

27.5.93

35. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kajayaan yang diperolehi oleh Malaysia setelah lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa Menteri-menteri dan Menteri-menteri Besar ke Uzbekistan dan Iran awal bulan April yang baru lalu dan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk lawatan rasmi ini.

7.6.93

20. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai lawatan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad ke Uzbekistan dan Republik Islam Iran selama lapan hari baru-baru, ini dianggap amat berjaya kerana sakurang-kurangnya lapan perjanjian telah dimeterai oleh Perdana Menteri dengan kedua-dua negara tersebut; nyatakan apakah bentuk perjanjian-perjanjian yang ditandatangani itu.

9.6.93

32. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang diperolehi ekoran hasil lawatan yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Uzbekistan dan Iran baru-baru ini.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada 27hb Mei 1993; Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 7hb Jun 1993 dan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut pada 9hb Jun 1993 kerana pertanyaannya adalah barsamaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Uzbekistan dan Republik Iran daripada 30hb Mac hingga 6hb April tahun ini telah mencapai objektif lawatan yang diharapkan, iaita:-

- (i) Untuk mempereratkan perhubungan di antara pucuk pimpinan kedua buah negara dengan Malaysia; dan
- (ii) Untuk memperluaskan hubungan dua-hala di dalam bidang-bidang kerjasama politik, ekonomi termasuk perdagangan dan kebudayaan.

Sebagai hasil lawatan, bukan sahaja kerjasama dua-hala Malaysia dengan Uzbekistan dan Iran telah dapat diparluaskan, malah kerjasama di kalangan negara-negara Selatan iaitu kerjasama yang kita pelopori selama ini telah juga dapat dicapai.

Sempena lawatan Perdana Menteri ke Uzbekistan dan Iran, beberapa perjanjian telah ditandatangani. Dengan Uzbekistan, Malaysia telah dapat menandatangani Perjanjian Kerjasama Penerangan bagi meningkatkan kerjasama di bidang penerangan, kebudayaan dan pelancongan.

Dan Iran pula, pihak swasta kedua-dua buah negara telah dapat menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman bagi meningkatkan perdagangan dan usahasama di antara kedua-dua buah negara.

Memandangkan minat Uzbekistan dan Iran untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama Malaysia dalam rancangan mereka untuk mencapai tahap ekonomi yang lebih maju, usaha-usaha telahpun dibuat untuk memperluaskan kerjasama ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan, misalnya, Uzbekistan telah bersetuju untuk memberi pertimbangan kepada cadangan Malaysia supaya diadakan Perjanjian Bilateral Payments Arrangement, dengan izin bagi melicinkan proses perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

Parjanjian yang sama telahpun ditandatangani dan sedang dikuatkuasakan dengan Iran. Dengan adanya kerjasama ekonomi seperti ini, ia akan membuka peluang dan memudahkan usahawan-usahawan Malaysia menembusi pasaran Uzbekistan dan Iran.

Uzbekistan yang ingin mencontohi Malaysia dalam projek-projek pembangunan, telah mempelawa penyertaan syarikat-syarikat swasta dan PETRONAS dalam projek-projek pembangunan termasuk kewangan dan banking serta industri petroleum dan gas.

Mengenai dengan Iran pula, berdasarkan maklum balas awal, nilai perdagangan yang sedang dirundingkan dengan pihak Iran, berjumlah RM20.12 juta, meliputi barang-barang keluaran getah, tayar, alat-alat kelengkapan laut, pita-video, kereta (Proton Saga), minyak olein dan stearin dan buah-buahan.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Partua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai hubungan dengan Iran. Kita ketahui bahawa hubungan Kerajaan dengan Kerajaan di antara Malaysia dan Iran cukup baik. Hubungan usahawan dengan usahawan juga cukup baik. Tetapi, yang amat mendukacitakan kita hubungan di antara parti dengan parti

di sana. Ertinya ada -sebuah parti politik di Malaysia yang mengadakan jalinan hubungan yang baik dengan kumpulan-kumpulan yang bersama dengan Kerajaan tatapi dari belakang, ianya menikam Kerajaan kita.

Jadi, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kerajaan kerana hubungan peribadi pemimpin-pemimpin parti Pembangkang ini akhirnya akan merosakkan hubungan Kerajaan dengan Kerajaan bagi Republik Iran.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Kerajaan tidak menafikan bahawasanya ada hubungan di antara parti Pembangkang negara kita dengan pihak tertentu di Iran, tetapi kita berpendapat bahawasanya ia tidaklah sehebat mana yang boleh menggugatkan hubungan diplomatik yang baik di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Iran. Sebab mengapa, pihak Kerajaan tidak menyekat sebarang lawatan ataupun kunjungan yang dibuat oleh ahli-ahli parti tersebut dan kita yakin bahawasanya negara Iran dan dunia sedar dan tahu apa dan siapa sebenarnya orang-orang yang mewakili parti yang berkenaan dan sesungguhnya mereka tidak sama sekali menunjukkan ataupun dapat mewakili sebenarnya Kerajaan dan rakyat Malaysia sebenar, yang mana dikenali sebagai sebuah negara, sebuah Kerajaan dan rakyatnya mengamalkan satu sistem yang luar jauh berbeza daripada dasar yang dipelopori oleh parti yang barkanaan.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa PAS menerima bantuan material dan kewangan daripada negara Iran?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Partua, kalau adapun kita tidak nampak begitu banyak yang boleh menyebabkan timbulnya masalah, atupun PAS boleh menggugat kesejahteraan, kedamaian dan keutuhan Barisan Nasional. Kita juga tidak nampak langsung bagaimana ia juga boleh menyebabkan hubungan Malaysia-Iran iaitu di antara negara dengan negara dan Kerajaan dengan Kerajaan itu tejejas.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan dengan jemputan untuk menghadiri parhimpunan . parti-parti politik dengan pihak-pihak diplomatik, seperti Parti PAS menjemput Duta Iran dan Palestin. Apakah penerimaan jemputan ini boleh dianggap sebagai campurtangan dalam hal ehwal politik kepada negara Malaysia kita. Kalau ya, apakah Kerajaan ada memikirkan untuk tidak membenarkan jemputan ini diberikan kepada pihak-pihak diplomatik di negara kita?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Telahpun menasihati dan memberi maklumat yang tepat kepada ketua-ketua wakil atau duta-duta asing seperti Iran. Contohnya tentang kagiatan sesetengah parti Pembangkang dalam negara kita dari segi mereka hendak merosakkan imej perpaduan di kalangan masyarakat setempat dan umumnya mereka sedar dan insaf tentang kaadaan yang wujud di kalangan negara kita, bersabit dengan parti-parti Pembangkang seperti PAS. Kalaupun mereka menerima

jemputan dari parti-parti berkenaan, seperti parti PAS, biasanya mereka marujuk dahulu kepada Kementerian Luar sebagaimana yang kita lihat, periksa dan tengok bahawa keadaan mereka itu tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan negara kita, maka kita sebagai sebuah negara yang terbuka dan berpandangan jauh dan tidak sempit seperti yang diamalkan oleh parti-parti yang berkenaan itu, biasanya ini kita benarkan, oleh kerana kita yakin dan percaya bahawa adalah tidak mudah bagi parti yang berkenaan untuk memperalatkan ketua-ketua wakil asing ini untuk mempengaruhi sebahagian besar rakyat jelata di negara kita, yang sesungguhnya memahami sebenarnya akan dasar yang dibawa oleh Kerajaan yang selama ini membawa berbagai-bagai kesejahteraan kepada kita semua.

**PEMBAWA KUMAN HIV - LANGKAH KAWALAN**

14. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan pembawa penyakit HIV yang dikenalpasti setakat tahun ini;
- (b) apakah langkah-langkah pengawalan yang telah diambil terhadap pengidap dan pembawa HIV bagi memastikan mereka tidak merebakkan penyakit ini kepada orang-orang lain; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi khas bagi maksud ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin,

- (a) Sehingga 30.4.1993 tahun ini terdapat 5,720 pembawa HIV dan 86 kes AIDS yang telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan.

- (b) Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah memberi perkhidmatan rawatan, kaunseling dan tindakan susulan di bawah jagaan pakar parubatan. Di dalam sesi-sesi kaunseling, perkara yang disentuh adalah menasihati mereka supaya mempraktik seks selamat, tidak menderma darah, tidak menyuntik dadah, tidak mengandung dan tidak menyusukan anak.
- (c) Buat masa ini, Kerajaan. belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi khas untuk penyakit ini.

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MALAYSIA-THAI - KEJAYAAN**

15. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan Thai mengiktiraf memorandum persefahaman persempadanan Malaysia - Thailand yang dibuat pada 21hb Julai, 1977.

- (a) berikutan dengan konflik itu berapakah kes pencerobohan oleh anggota-anggota agensi pihak berkuasa Thai telah berlaku; dan
- (b) apakah tindakan selanjutnya Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Thailand, yang memulakan pencerobohan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa memorandum persefahaman yang ditandatangani 1977 adalah bagi kawasan VI, Fasa II, termasuk kawasan Padang Besar. Malaysia berpegang teguh kepada persetujuan itu. Sebarang karaguan yang timbul mengenai persetujuan ini adalah soal dalaman Thailand.

- (a) Semenjak tahun 1988 sebanyak 18 kejadian pencerobohan oleh Pihak Berkuasa Thailand telah berlaku di sempadan Perlis-Thailand;

- (b) Dalam hubungan ini Kerajaan kita celah membantah kepada pihak Kerajaan Thailand terhadap pencerobohan yang dilakukan oleh Pegawai-pegawai Kastam Thailand di sempadan Padang Besar-Perlis baru-baru ini. Kita juga telah meminta jaminan Kerajaan Thailand untuk memastikan supaya pencerobohan ini tidak diulangi lagi.

**PELAJAR-PELAJAR KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI LUAR NEGERI**

16. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghantar pelajar-pelajar ke pusat pengajian tinggi di negara-negara Selatan sebagai satu -usaha untuk mendedahkan mereka kepada dunia agar tidak berkiblatkan Utara semata-mata.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan sebenarnya sudahpun menghantar pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi ke negara-negara Selatan misalnya ke India, Pakistan, Indonesia dan Filipina, tetapi bilanganya tidaklah sebanyak seperti yang dihantar ke negara-negara Utara seperti ke United State of Amerika, United Kingdom dan Canada.

Cadangan Kerajaan ialah untuk menambahkan lagi bilangan pelajar yang dihantar ke negara-negara Selatan termasuk juga negara-negara di Afrika dan Amerika Selatan. Walau bagaimanapun, pemilihan tempat-tempat pengajian tinggi di negara-negara tersebut bergantung kepada beberapa faktor, antaranya ialah kesesuaian kursus-kursus dengan kehendak dan keperluan tenaga tarlatih yang dirancang oleh Kerajaan dan juga mutu pendidikan negara atau universiti berkenaan.

**TAYANGAN FILEM BARAT YANG TIDAK BERMORAL DI TV - PENAPISAN**

17. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, akhir-akhir ini masih terdapat filem-filem Barat yang ditayang di kaca televisyen mempertontonkan adegan yang tidak bermoral. Apakah Lembaga Penapisan Filem Negara (LPFN) mempunyai fungsi yang "Double Standard" dalam hal ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Partua, semua filem-filem, sama ada filem Barat yang diimport atau kaluaran tempatan yang disiarkan melalui TV1, TV2 dan TV3 telah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri, termasuk juga filem-filem yang tidak bermoral.

Lembaga Penapisan Filem tidak mengamalkan "double standard", dengan izin, dalam penapisannya. Filem-filem yang telah ditapis oleh LPF ditapis dan dinilai semula oleh RTM dan TV3 sebelum disiarkau melalui rangkaian televisyen,

**UNIVERSITI TEMPATAN - PERLETAKAN JAWATAN OLEH PENSYARAH**

18. **Tuau Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramainya pensyarah-pansyarah universiti tempatan mengikut jurusan yang telah berhenti sejak tahun 1990; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan amat prihatin dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan diambil ke arah memperbetulkan supaya ianya tidak akan menjajaskan tahap pendidikan di Negara maju.

24. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat manakah masalah kakurangan tenaga akademik di universiti-universiti tempatan telah mempengaruhi jumlah kamasukari pelajar baru ke sesi akademik 1993/94;
- (b) apakah sebab-musabab yang mewujudkan masalah kekurangan tenaga akademik ini;
- (c) apakah rancangan-rancangan oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah berkenaan; dan

- (d) jumlah pensyarah atau tenaga akademik yang telah meninggalkan universiti tempatan sejak tahun 1990. Sila beri pecahananya mengikut universiti dan tahun.

26.5.93

**5. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah pensyarah-pensyarah yang berhenti dari 8 universiti-universiti di negara ini dan nyatakan juga sebab-sebab mengapa mereka meninggalkan profesion yang murni ini.

9.6.93

**35. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah masalah kekurangan tenaga pengajar di universiti-universiti di seluruh negara dapat diatasi buat masa sekarang:

- (a) berapa ramaikah tenaga pengajar yang perlu diisi di setiap pusat pengajian tinggi; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah untuk mendapatkan tenaga pengajar dengan segera.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat 4 orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan isu mengenai masalah perletakan jawatan pensyarah di Universiti-universiti tempatan kita, maka saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak. Ahli-ahli Yang Berhormat serta tarikh-tarikh soalan tersebut yang telah dikemukakan kepada Dewan Negara adalah seperti berikut: Yang Berhormat Dato' William Che Lin Kwai pada hari ini juga; Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon pada 26.5.93 dan Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong pada 9.6.93.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah pensyarah universiti tempatan yang meletakkan jawatan samentak tahun 1990 sehingga bulan April, 1993 adalah seramai 337 orang. Daripada jumlah tersebut, 93 orang adalah daripada bidang Perubatan, 64 orang daripada bidang Sastera, 57 orang daripada bidang teknologi, 55 orang daripada bidang Sains Gunaan, 45 orang daripada bidang Sastera Iktisas dan 23 orang daripada bidang Sains Tulen.

Walaupun fenomena ini wujud, namun kekurangan tenaga akademik di institusi pengajian tinggi kita tidak menjejaskan bilangan pengambilan pelajar bagi sesi 1993/94. Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dijangka akan mengambil seramai 12,258 orang penuntut baru berbanding dengan pengambilan bagi sesi 1992/93 iaitu seramai 11,744 orang.

Karajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah tersebut serta telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah seperti pemberian elaun kritikal; kenaikan pangkat tanpa berdasarkan jawatan yang kosong; kebenaran menjalankan kerja-kerja perundingan (consultancy) yang berkait dengan bidang-bidang kepakaran mereka dan juga tugas-tugas akademik mereka serta cuti sebatikal untuk menjalankan penyelidikan.

Pihak universiti juga mempunyai Skim Latihan Akademik untuk pelajar dan kakitangan universiti untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi di universiti-universiti di dalam dan juga universiti di luar negara.

Langkah yang ketiga, ialah universiti tempatan menambah bilangan pengambilan pelajar ke peringkat ijazah sarjana, doktor falsafah dan lain-lain kelayakan profesional. Apabila pelajar berkenaan menamatkan pengajian mereka, mereka ini akan diambil menjadi tenaga pengajar di universiti-universiti.

Langkah yang keempat, mengambil tenaga pengajar yang berkelayakan dan yang bersesuaian dengan bidang yang dikehendaki secara kontrak sama ada tenaga pengajar tempatan atau tenaga pengajar asing.

Langkah yang kelima, meninjau tenaga pengajar daripada universiti-universiti tempatan lain yang bersesuaian dengan bidang yang dikehendaki. Kekurangan tenaga akademik ini di universiti-universiti tempatan merupakan satu fenomena yang biasa di sesebuah negara yang membangun. Beberapa faktor yang mungkin menyebabkan mereka meletakkan jawatan ialah seperti menerima tawaran gaji yang lebih lumayan di sektor swasta, mendapat tawaran pekerjaan di luar negara yang pada pendapat mereka lebih baik dan ada juga yang meletakkan jawatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 48 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]**

**USUL-USUL.****JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

3.42 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka**

**Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:-

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin**

**Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis iaitu satu Usul yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-bara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Seeitauusaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

#### **JAWATANKUASA PEMILIH - LANTIKAN AHLI-AHLI**

3.44 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Kelapan:

- (i) Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir;
- (ii) Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan;
- (iii) Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai; dan
- (iv) Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1) Majlis Dewan Negara memutuskan Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Kelapan:

- (i) Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir;
- (ii) Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan;
- (iii) Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai; dan
- (iv) Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Kelapan:

- (i) Yang Berhormat Tuan Adam bin Kadir;
- (ii) Yang Berhormat Tuan V.K. Sellapan;
- (iii) Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai; dan
- (iv) Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

**3.46 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada masa membuka penggal Ketiga Parlimen Yang Kelapan."

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur dan ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan melahirkan penghargaan saya kepada Kerajaan dan kepada Yang di-Pertua, kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk menjadi pencadang kepada Usul Titah Ucapan DiRaja pada Persidangan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 26 April 1993 yang lalu, telahpun merangkumi semua aspek negara termasuk soal keselamatan, soal ekonomi, soal perpaduan negara, pertanian, dasar luar, sukan dan lain-lain yang menyentuh tentang masa kini dan juga tentang masa hadapan negara.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memulakan Titah dengan melahirkan rasa kesyukuran kerana keselamatan negara terkawal

dan ekonomi negara bertambah baik, hasil sumbangan semua pihak termasuk pasukan keselamatan dan juga anggota perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memulakan Titah Ucapan dengan menyentuh soal keselamatan negara dan sumbangan pasukan keselamatan, izinkan saya memulakan perbahasan ini untuk mencadangkan Usul Terima Kasih ini dengan menyentuh soal keselamatan negara.

Sebelum saya memulakan perbahasan ini, izinkan saya bagi pihak Dewan ini dan rakyat keseluruhannya, mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua anggota keselamatan yang telah berkorban untuk menjamin keamanan negara. Tanpa pengorbanan mereka, tidak mungkin kita dapat mengecap keamanan seperti yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-pertua, sejak berakhirnya Perang Dingin di antara dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan juga Soviet Union - sekarang Rusia - dan undurnya sebahagian daripada Armada Ketujuh Tentera Laut Amerika dari Rantau Pasifik dan Subic Bay di Filipina, dan undurnya kapal perang Rusia daripada Cam Ranh Bay di Vietnam, seolah-oleh berlakunya persaingan senjata di Asia khususnya di kawasan Asia Tenggara.

Peningkatan ekonomi negeri China juga telah menyebabkan keupayaan yang meningkat untuk negara tersebut membesarkan angkatan bersenjataanya. Jepun pula sedang berusaha untuk muncul semula sebagai suatu kuasa ketenteraan di Asia di mana pada tahun 1989, Belanjawan Pertahanan Negara ini telah meningkat kepada US\$28.4 bilion, iaitu ketiga terbesar selepas perbelanjaan pertahanan negara Amerika Syarikat dan juga Soviet Union.

Malah baru-baru ini juga, Parlimen Jepun telah meluluskan undang-undang untuk membolehkan tenteranya dihantar keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan juga telah menunjukkan kemasukan senjata ke negara-negara Asia semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Pada tahun 1991, senjata bernilai AS\$7.5 bilion dibawa masuk ke negara Asia. Nilai ini adalah lebih besar daripada wang Amerika AS\$4.74 bilion yang diimport oleh negara-negara Asia Barat.

Mengikut satu laporan, Thailand umpamanya sebagai jiran terdekat kita telahpun menambahkan Belanjawan pertahanannya sebanyak 13.5% pada tahun 1992 dibandingkan pada tahun 1991; dan 30.8% lebih tinggi dibandingkan Belanjawan pada tahun 1990; dan 55% lebih tinggi kalau dibandingkan Belanjawan pada tahun 1989. Manakala negara jiran kita di selatan, iaitu Singapura pula telahpun berbelanja 11.6% lebih tinggi pada tahun 1992 dibandingkan dengan Belanjawan tahun 1991; dan 20.3% kalau dibandingkan dengan Belanjawan tahun 1989.

Adalah dianggarkan Kerajaan Singapura telahpun berbelanja hitung panjang S\$3 bilion, dengan izin, satu tahun sejak 10 tahun yang lalu untuk memperkemas dan juga memperlengkapkan pertahanan negaranya. Begitu juga dengan negara Filipina yang dilaporkan telahpun berbelanja 42.9% lebih tinggi pada tahun 1992 dibandingkan dengan perbelanjaan pada tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan; berapakah perbelanjaan pertahanan kita sekarang? Apa-

kah perbelanjaan pertahanan kita sekarang mencukupi dan sesuai dengan keadaan di sekeliling kita? Dalam ingatan saya, kali terakhir kita berbelanja secara besar-besaran untuk memperlengkapkan pertahanan negara kita ialah pada tahun-tahun selepas tahun 1975; iaitu selepas jatuhnya Vietnam ke tangan komunis. Pada masa itu kita masih ingat lagi, selepas berlakunya peristiwa jatuhnya Vietnam ke tangan komunis, pihak komunis di negara kita telah cuba menguji keupayaan kita mempertahankan diri.

Kita masih ingat lagi di mana pada masa itu dengan mudah sahaja bom telahpun dipasang di Tugu Negara. RMAF Sungai Besi telah ditembak dengan bom di mana kita kehilangan sebuah pesawat Caribou. Bom juga telah dilemparkan di Briged Keenam, Kem Sungai Petani, Kedah dan di Balai Polis Jalan Tun Razak. Percubaan juga telahpun dijalankan untuk memusnahkan jambatan keretapi di Kok Lanas, Kelantan. Semasa itu kita semua panik dan pihak Kerajaan (pegawai-pegawai Kerajaan) telahpun duduk untuk memikirkan tentang kemampuan kita untuk mempertahankan diri. Cuma pada awal-awal tahun 1980an, barulah kita mula berbelanja untuk memperlengkapkan sistem dan peralatan pertahanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kini lebih daripada 10 tahun telahpun berlalu. Kini ancaman yang kita hadapi telahpun berubah. Sejak tamatnya peperangan bersenjata oleh pihak komunis pada tahun 1989 yang lalu, kita sekarang terdedah kepada ancaman yang berbeda. Saya tidak menyarankan supaya kita membuat persiapan untuk berperang dengan mana-mana negara ataupun dengan mana-mana pihak. Tetapi saya rasa tidak ada salahnya kalau kita membuat penelitian terhadap kemampuan kita untuk mempertahankan diri jika diserang oleh

mana-mana pihak,

Saya rasa sudah sampai masanya kita merenung kemampuan kita dari segi kemampuan. Tentera Darat, Tentera Udara dan juga Tentera Laut, khasnya rakyat jelata sendiri untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Apakah kita berpuas hati dengan peralatan yang kita sediakan kepada Tentera Darat, Tentera Udara dan juga Tentera Laut kita? Apakah peralatan yang mereka miliki sekarang ini sesuai untuk menghadapi sebarang kemungkinan ketika ini?

Saya tidak sekali-kali mempertikaikan kesetiaan dan juga semangat Angkatan Tentera kita untuk mempertahankan negara ini, Kita mesti mengakui hakikat bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara di ASEAN ini yang mempunyai sempadan bersama dengan lima buah negara ASEAN yang lain. Dengan kesemua negara ini, kita mempunyai masalah-masalah sempadan yang tersendiri. Dengan Singapura kita menghadapi masalah tuntutan Pulau Batu Putih. Dengan Filipina kita menghadapi masalah tuntutan. Filipina terhadap Sabah. Dengan Thailand kita menghadapi masalah pencerobohan tentera Thai dan juga pihak kastam Thai di Padang Besar dan nelayan Thai di perairan Malaysia. Dan dengan Indonesia kita menghadapi masalah tuntutan terhadap Pulau Sipadan dan juga Pulau Ligitan.

Di samping itu pula, kita juga menghadapi tuntutan bertindih terhadap kepulauan Spratly dengan negara-negara China, Vietnam, Filipina, Taiwan dan juga Brunei. Salah satu daripada "flash point", dengan izin, yang telahpun saya katakan tadi dengan mudah terbakar boleh terbakar pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pergaduhan di antara individu tidak akan berlaku apabila seseorang itu berfikir yang lawannya sama kuat ataupun lebih kuat dari dirinya. Seorang individu itu akan menunjukkan keberaniannya apabila diketahui atau difikirkan bahawa lawannya itu lebih lemah daripada dirinya. Begitu juga dengan hal keadaan sesebuah negara. Sesebuah negara itu tidak akan berani menyerang sebuah negara lain jika difikirkan negara jirannya ataupun negara lain itu sama kuat ataupun lebih kuat dari negaranya.

Saddam Hussein tidak akan menyerang Kuwait jika beliau memikirkan Kuwait sama kuat ataupun lebih kuat daripada Iraq. Oleh kerana Saddam Hussein yakin tentang kelemahan Kuwait, dalam masa 6 jam sahaja Kuwait telahpun ditawan oleh Iraq. Kuwait yang terkenal sebagai sebuah negara yang terkaya di dunia ini, rakyatnya terpaksa bertempiran lari meninggalkan segala kekayaan yang telahpun dikumpulkan selama ini.

Saya menimbulkan persoalan ini hanyalah sebagai peringatan sahaja. Kita tentunya tidak lupa terhadap kata-kata pujangga atau orang tua kita bahawa "malang tidak berbau", "musuh jangan dicari", "ingat sebelum kena", "jimat sebelum habis", "buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai data-data terperinci mengenai keupayaan Angkatan Tentera kita. Saya juga mempunyai data-data terperinci tentang keupayaan dan juga kelengkapan Angkatan Tentera negara-negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tergamak untuk membacanya satu-persatu kerana tidak ingin menimbulkan salah anggap oleh mana-mana

pihak. Adalah ditakuti ianya boleh melemahkan semangat kita untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Cuma apa yang saya harapkan ialah mulai daripada saat ini, saya berharap pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk berbelanja lebih sedikit untuk pertahanan negara. Soal pertahanan negara janganlah dipandang ringan. Lengkapkan angkatan bersenjata kita dengan peralatan yang terkini dan juga yang tercanggih. Naikkan semangat dan juga moral angkatan tentera kita supaya mereka berasa megah berdiri sama tinggi dan juga berlari sama laju dengan tentera-tentera negara lain khasnya negara-negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman moden ini kekuatan sesuatu angkatan tentera itu bergantung kepada berapa canggihnya peralatan yang digunakan. Iraq tewas kepada tentera bersekutu bukannya kerana tentera Iraq kurang semangat, tetapi Iraq tewas kerana tentera bersekutu mempunyai peralatan yang lebih canggih daripada yang dimiliki oleh tentera Iraq. Israel berjaya dalam peperangan "Six-Day War", dengan izin, pada tahun 1967 mengalahkan kesemua negara Arab - Egypt, Syria, Lebanon dan Jordan - bukannya kerana tentera Arab tidak bersemangat ataupun kurang disiplin walaupun orang Arab memang kurang disiplin; tetapi adalah disebabkan superiority of air power yang dimiliki oleh tentera udara Israel.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kita masih lagi mahu membaca berita-berita di mana dari masa ke semasa kita kehilangan pesawat pejuang atau helikopter Angkatan Tentera Udara kita? Apakah kita sedar bahawa baru-baru ini kita telah kehilangan dua orang pilot apabila sebuah helikopter Allouette III buatan Perancis terhempas, usia pilot yang berkenaan sama dengan usia helikopter yang dibeli pada tahun 1960 dulu. Apakah kita masih lagi mahu menggunakan helikopter Nuri, pesawat Caribou dan juga Charlie 130 yang usianya lebih tua daripada pilotnya sendiri? Apakah kita sedar bahawa untuk mendapatkan seorang pilot yang terlatih kita memerlukan sekurang-kurangnya 9 tahun untuk melatihnnya? Apakah perasaan kita sendiri, saya hanya mengambil contoh; apabila kita memandu kereta Austin A40 di Labuh Raya Utara Selatan manakala pemandu yang lain menggunakan kereta Mercedes Benz, BMW, Alfa Romeo dan juga Proton Saga? Tentunya orang akan melihat kepada diri kita, bukannya melihat kelajuan kereta, tetapi melihat betapa antiknya kereta kita!

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita merayakan Hari Kebangsaan kita tentunya tidak tergamak melihat keadaan di mana adanya kereta perisai seperti Scorpion ataupun peralatan Angkatan Tentera kita tiba-tiba terpaksa ditolak kerana kerosakan. Tentunya akan terguris kebanggaan tentera kita sendiri.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa keamanan dan juga kestabilan merupakan kunci utama kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Di dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita sungguh berbangga dengan pencapaian ekonomi kita sekadar 8% sehingga ke 9.8% dan pendapatan per kapita kita meningkat daripada

RM7,541 dalam tahun 1992 kepada RM8,281 pada tahun 1993. Hanya dengan suasana yang aman dan juga stabil sahaja kita dapat menarik pelabur melabur di dalam sesebuah negara itu.

Tuan Yang di-Partua, sebagaimana yang kita ketahui Malaysia adalah merupakan sebuah negara maritim yang memiliki pantai yang terpanjang, lebih daripada 3,000 batu nautika. Di samping itu juga Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber-sumber luar pantai seperti minyak, gas asli dan juga perikanan. Di samping itu juga Malaysia menghadapi sepertimana yang telahpun saya katakan tadi masalah sempadan laut tentunya kita tidak dapat lari daripada berbagai-bagai ancaman.

Oleh itu, Tuan Yang di-Partua, untuk memberi keyakinan kepada pelabur yang sedia ada dan juga pelabur yang berminat untuk terus melabur di masa-masa yang akan datang kita mestilah menunjukkan kemampuan dan keupayaan kita untuk membendung dan menghadapi sebarang kemungkinan. Dengan lain-lain perkataan, kita perlulah mempunyai Tentera Laut, Tentera Darat dan Tentera Udara yang berkemampuan dan dilengkapi dengan kapal, kapal terbang, peralatan yang sesuai, bersesuaian dengan keperluan terkini dan juga yang berorientasikan teknologi. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sebarang usaha untuk memodenkan Angkatan Tentera kita amatlah dialu-alukan.

Kita mengalu-alukan langkah Kerajaan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan British yang melibatkan pembelian peralatan senjata lebih daripada RM7 bilion termasuk pembelian dua buah kapal frigate. Saya difahamkan kapal frigate amat sesuai di masa perang tetapi pada masa yang sama kita juga memerlukan lebih

banyak lagi patrol-patrol vessel untuk digunakan dalam tugas penguatkuasaan di masa aman. Apakah jaminan pertahanan yang kita sediakan kepada lebih daripada seratus buah telaga minyak di perairan kita, kepada sumber kekayaan kita? Apakah patrol craft yang dibina pada tahun 60an dulu mampu untuk melakukan tugas-tugas rondaan di sepanjang pantai laut kita? Apakah kita tergamak mendengar berita di mana patrol craft kita terpaksa berpatah balik kerana ombak besar di Laut China Selatan ataupun sebagainya?

Saya faham tentunya ada pihak yang mempertikaikan gesaan saya supaya kita berbelanja lebih banyak untuk pertahanan negara. Tentunya kita akan dengar suara-suara sumbang yang mengatakan bahawa kita bukannya hendak berperang. Perbelanjaan peralatan Angkatan Tentera tidak mendatangkan hasil kepada rakyat jelata. Lebih baik peruntukan yang ada disalurkan kepada sektor yang lebih memerlukan.

Saya tidak menyangkal sama sekali pandangan ini, tetapi pada masa yang sama kita mesti ingat kekayaan dan harta yang kita miliki ini tidak akan bermakna jika tiba-tiba apabila kita celik dari tidur musuh yang lengkap dengan senjata berada di ruangan rumah kita. Saya berharap pihak Kerajaan akan memikirkan perbelanjaan yang seimbang kepada Angkatan Tentera kita. Janganlah kita menggadaikan keselamatan negara kita semata-mata untuk berjimat ataupun sebagainya.

Pada 10hb Mei 1993 yang lalu, Jen. Dato' Seri Abdul Rahman bin Hamid telahpun menyuarakan bahawa angkatan bersenjata memerlukan

RM38 juta untuk membeli senjata dan juga peralatan. Peruntukan ini patut diluluskan segera malah ditambahkan lagi bagi memastikan angkatan bersenjata kita mendapat peralatan yang sesuai. Meskipun sebarang perbelanjaan di bidang ketenteraan tidak menampakkan pulangan yang nyata tapi dengan adanya sistem pertahanan yang kuat, para pelabur akan merasa lebih terjamin dan rakyat akan merasa lebih confident.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bertambah canggihnya industri pertahanan adalah diharapkan usaha-usaha akan dijalankan bagi mendapatkan anggota tentera yang terlatih. Kita tidak mahu lagi melihat keadaan di tana seorang itu menjadikan karjaya sebagai tentera sebagai pilihan yang terakhir setelah gagal mendapatkan pekerjaan lain barulah pekerjaan sebagai tentera dijadikan pilihan. Jika aliran yang ada ini dibiarkan berterusan kita tidak akan mendapat anggota yang terbaik memasuki Angkatan Tentera. Dalam jangka panjang tentera kita akan menghadapi masalah khasnya apabila kita beralih kepada era teknologi canggih yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sakali-kali bertujuan merendahkan kebolahan para pegawai tentera kita yang ada sekarang. Insentif-insentif baru hendaklah difikirkan supaya para belia lepasan sekolah kita merasa bangga dan tidak menjadikan kerja tentera ini sebagai pilihan yang terakhir. Insentif seperti gaji, kemudahan perumahan, kemudahan latihan dan juga peluang selepas bersara hendaklah difikirkan. Sebarang latihan yang dijadualkan sebelum seorang tentera itu bersara hendaklah diselaraskan dengan keperluan negara supaya latihan dan pengalaman yang diperolehi

di dalam tentera diiktirafkan oleh Kerajaan dan juga pihak swasta apabila seorang tentera itu bersara. Adalah dianggarkan lebih daripada lima ribu tenaga tentera yang terlatih bersara setiap tahun dan setengahnya tidak boleh digunakan untuk mengisi keperluan negara. Kita tidak mahu melihat pembaziran tenaga manusia apatah lagi tenaga dari Angkatan Tentera yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar Maktab Tentera DiRaja ataupun Boys' Wing diperbesarkan lagi dan mengambil lebih ramai lagi bakat-bakat baru untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera, Amalan di mana pelajar-pelajar cemerlang dari Maktab Tentara DiRaja ini meninggalkan Angkatan Tentera dan pelajar yang kurang cemerlang meneruskan karier di dalam tentera hendaklah dikaji semula. Telah sampai masanya kita memerlukan, dengan izin, the best brain in the Army. Sebuah Akademi Tentera atau Military Academy bolehlah ditubuhkan yang mengadakan kursus-kursus hingga ke peringkat ijazah seperti yang dilakukan di Australia iaitu Doontrone Military Academy.

Tuan Yang di-Pertua, moral Angkatan Tentera kita hendaklah sentiasa tinggi, jangan sekali-kali kita membiarkan keadaan di mana moral Angkatan Tentera kita terguris ataupun tercabar.

Pembelian peralatan canggih diharapkan akan meninggikan moral Angkatan Tentera kita itu. Oleh itu, kita mengalu-alukan pembelian pesawat Hawk, pesawat B-Craft, sistem radar Martelo dan sistem persenjataan peluru berpandu (Starburst) melalui Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan British.

Walau bagaimanapun, alat yang canggih tidak akan bererti, jika kita tidak memiliki kakitangan yang terlatih dan juga mahir. Tidak guna kita mempunyai peralatan yang canggih, jika kita tidak tahu menggunakannya. Oleh itu janganlah sekali-kali kita teragak-agak untuk menghantar Angkatan Tentera kita berlatih menggunakan senjata canggih dan juga menimba ilmu-ilmu baru. Jangan sekali-kali kita gunakan kekurangan peruntukan sebagai alasan. Sejarah peperangan telah banyak menunjukkan betapa pentingnya moral dan juga kepakaran di dalam peperangan.

Tentera Amerika yang memiliki peralatan yang canggih dapat dikalahkan oleh tentera vietcong semata-mata kerana tentera Vietcong memiliki moral yang tinggi, manakala tentera Amerika merasakan mereka sebagai tentera upahan yang terpaksa berperang.

Tentera Libya yang dihantar oleh Ghadafi untuk berperang di Chad terpaksa meninggalkan senjata-senjata canggih, peluru-peluru berpandu dan juga 30 pesawat pengebom semata-mata kerana mereka tidak tahu menggunakan pesawat-pesawat ini.

Dalam medan peperangan anggota pasukan yang bermoral rendah hanya akan memikirkan cara bagaimana hendak menyelamatkan diri tanpa memikirkan soal kemenangan. Manakala pasukan yang bermoral tinggi akan merasakan kemenangan sebelum memulakan peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun bercakap panjang mengenai Pertahanan dan saya berharap tujuan saya menimbulkan soal pertahanan ini adalah semata-mata kerana memikirkan keadaan sekeliling yang ada pada hari ini. Bukanlah tujuan kita untuk berperang dengan mana-mana negara, tetapi lebih sebagai langkah deterrent kepada keadaan-keadaan ataupun kemungkinan-kemungkinan yang berlaku.

Saya harap khasnya pihak Kementerian Kewangan tidak akan teragak-agak untuk memperlengkapkan Angkatan Tentera kita sejajar dengan Angkatan Tentera di negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya beralih kepada soal pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan kemajuan sesebuah negara itu bergantung kepada tahap pendidikan rakyatnya. Di dalam keadaan sekarang, negara yang paling banyak melabur di dalam bidang pendidikan merupakan negara yang paling tinggi sekali daya saingannya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini menjelang kita menyambut 'Hari Guru' pada 16hb Jun yang lalu kita telahpun dikejutkan dengan

kenyataan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang melaporkan bahawa mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang mendapati bahawa 96% daripada pelajar Melayu tidak bersemangat untuk belajar. Dan juga berbagai-bagai lagi rumusan-rumusan yang telahpun dibuat, yang telahpun dicapai daripada kajian rambang yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, di mana 85% daripada pelajar-pelajar Melayu kononnya tidak mempunyai kesedaran untuk belajar dan 85% lagi hanya membuang masa di sekolah tanpa cita-cita dan juga matlamat hidup. Juga mengikut laporan itu pelajar bukan Melayu menghabiskan masa kira-kira 20 jam lebih banyak dalam tempoh seminggu untuk belajar, berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu. Pelajar-pelajar Melayu juga menghabiskan masa sebanyak 50 jam dalam seminggu untuk bermain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tiba-tiba sahaja masyarakat pendidikan kita terpinga-pinga dengan kenyataan ini. Apakah ianya benar? Jika kenyataan ini benar, bermakna negara sedang menuju kecelakaan dan langkah-langkah segera perlu diambil mulai daripada sekarang. Kita tidak seharusnya memandang sepi tentang kenyataan ini. ataupun takut untuk menerima hakikat jika ianya benar.

Sebelum tarlewat, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil keserapatan ini mengucapkan 'selamat Hari Garu' kepada para pendidik dan juga semua guru-guru dan segala jasa baik dan pengorbanan para guru kepada negara tetap akan dikenang oleh rakyat untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah fenomena yang dikatakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor tadi hanya berlaku di negeri Selangor sahaja? Apakah pihak Kementerian hanya memandang ringan sahaja akan kenyataan ini? Apakah ibu bapa, khasnya ibu bapa Melayu menganggap kenyataan ini sebagai khayalan sahaja? Apakah pertubuhan-pertubuhan politik, badan-badan pelajar Melayu memandang kenyataan ini sebagai yang telah ketinggalan zaman dan tidak sesuai diluahkan di zaman canggih ini? Dan apakah pula peranan badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan bukan Melayu terhadap keadaan ini? Apakah mereka merasakan soal ini, soal orang Melayu, biarlah orang Melayu sendiri yang menyelesaikan?

Perlu diingat di sini, Tuan Yang di-Pertua, sebarang kecacatan terhadap pencapaian di bidang pendidikan ianya bukan hanya melibatkan suatu kumpulan itu sahaja, tetapi dianya juga akan melibatkan satu bangsa dan negara keseluruhannya.

Satu kajian yang mendalam hendaklah dijalankan oleh pihak Kementerian keseluruh negara tentang minat orang Melayu terhadap pendidikan. Jika didapati sebarang kepincangan, langkah-langkah segera perlulah diambil bagi mengatasinya. Badan-badan yang ada kaitan dengan pendidikan hendaklah mengadakan satu relovusi pendidikan, bagi menyedarkan orang-orang Melayu terhadap pentingnya pendidikan kepada negara, sepertimana yang telahpun dilakukan oleh Parti MCA mengadakan Projek Langkawinya untuk menyedarkan orang Cina terhadap pentingnya pelajaran Bahasa Melayu di dalam pendidikan di

negara ini. Apakah dirasakan perlu kita mengulangi lagi seruan-seruan yang pernah dilaung-laungkan pada tahun-tahun 1920an dahulu? Apakah kita perlu membangunkan semula orang Melayu daripada tidur lena mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apakah orang Melayu sekarang ini, pelajar-pelajar Melayu khasnya terlalai dengan sistem kuota, hinggakan mereka terasa tidak perlu bersaing dengan bangsa bukan Melayu, kerana walau apapun terjadi orang Melayu akan tetap terpelihara dengan hak istimewa seperti yang tercatat dalam Perkara 152 Perlembagaan Negara. Jangan pula sekali-kali ada pihak yang menyatakan bahawa sistem kuota dan hak istimewa orang Melayu ini hendak dihapuskan. Sistem kuota dan hak istimewa ini akan tetap kita pertahankan sehingga orang Melayu mencapai kemajuan yang setaraf dengan bangsa lain.

Saya ingin mengalu-alukan langkah Karajaan memberikan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri dan juga ke seberang laut khasnya kepada pelajar-pelajar Melayu. Tanpa biasiswa dan pinjaman ini tidak mungkin dapat kita mengimbangi tenaga profesional Melayu dengan tenaga profesional bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pemberian biasiswa atau pinjaman ini telahpun dianggap sebagai satu hak dan bukannya sebagai satu keistimewaan kepada pelajar-pelajar Melayu. Terdapat anak-anak orana Melayu daripada golongan kaya, anak-anak tokoh korporat,

pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, pembesar-pembesar negarapun turut sama memohon dan juga menikmati pemberian biasiswa dan pinjaman ini, Memandangkan kepada keupayaan kewangan Kerajaan yang terhad dan dengan tujuan supaya lebih ramai lagi pelajar Melayu diberikan biasiswa dan pinjaman, dan dengan tujuan untuk menambahkan jumlah pinjaman ataupun biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin, pemberian biasiswa ataupun pinjaman kepada pelajar anak-anak orang yang berkemampuan hendaklah dikaji semula. Ianya hendaklah dianggap biasiswa ataupun pinjaman itu adalah sebagai satu keistimewaan dan bukannya sebagai satu hak.

Saya difahamkan oleh kerana biasiswa atau pinjaman ini dianggap sebagai satu hak kepada orang Melayu, terdapat tokoh korporat yang berpendapatan lebih daripada RM20,000 sebulan pun turut memohon biasiswa untuk anaknya. Jika pihak Kementerian inginkan bukti saya akan membuat research sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih bermunafaat jika biasiswa atau pinjaman ini disalurkan kepada anak-anak penoreh getah, anak-anak nelayan dan juga anak-anak petani di kampung-kampung. Mungkin dari segi pencapaian prestasi, anak-anak korporat ini lebih baik daripada anak seorang petani. Tetapi bagi saya, jika anak tokoh seorang korporat yang mendapat 9A di dalam Peperiksaan SPM tidaklah semestinya beliau lebih cemerlang ataupun lebih pandai daripada anak seorang nelayan yang hanya mampu mendapat 4A di dalam

Peperiksaan SPM. Ini disebabkan anak tokoh korporat tadi ke sekolah dengan kereta berhawa dingin, di sekolah yang ternama dan mempunyai segala kemudahan seperti pusat sumber dan juga mendapat tuisyen 4 ataupun 5 jam hari. Manakala anak petani ataupun anak nelayan, anak penoreh getah tadi terpaksa ke sekolah dengan berjalan kaki 2 ataupun 3 kilometer, terpaksa menolong ibu bapanya menangkap ikan, ke ladang ataupun menoreh getah. Jadi, adalah tidak adil jika biasiswa diberikan kepada anak tokoh korporat kerana kecermelangannya di bidang pendidikan dan anak nelayan tadi terlepas daripada peluang melanjutkan pelajaran kerana kurang cemerlangnya di dalam peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru juga telah melahirkan ramai tokoh-tokoh korporat Melayu. Saya menyeru kepada tokoh-tokoh korporat ini, di samping mengecualikan diri daripada memohon peruntukan ataupun memohon hak di dalam biasiswa ataupun pinjaman pendidikan, saya berharap tokoh-tokoh korporat Melayu akan berpandangan jauh dapat menubuhkan Tabung Yayasan Pelajaran Korporat Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu kekikat dahulu ada ura-ura Kerajaan untuk mengambilalih sekolah pra-sekolah di seluruh negara, (Kindergarten) tetapi ianya terpaksa dibatalkan kerana kekurangan kakitangan dan juga perbelanjaan. Saya mencadangkan agar Kerajaan memikirkan semula perkara ini dengan serius kerana pendidikan pra sekolah telah menjadi satu keperluan dari bukannya lagi sebagai satu keistimewaan.

Apa yang berlaku sekarang ialah, kerana tiadanya garis panduan atau oleh kerana pendidikan pra-sekolah ini terlalu bebas, apa yang dipelajari di pra-sekolah terlalu tinggi sukatan pelajarannya hingakan apabila anak-anak ini masuk ke sekolah yang formal, hilang minat untuk belajar kerana apa yang diajar di sekolah ini telahpun terlebih dahulu dipelajari di pra-sekolah, Malah ianya telah menimbulkan masalah kepada guru-guru untuk mengajar anak-anak yang telahpun menghadiri pra-sekolah dengan anak-anak yang tidak berpeluang memasuki pra sekolah. Secara kebetulan anak-anak yang tidak berpeluang memasuki pra-sekolah ini adalah terdiri daripada anak-anak daripada golongan yang berpendapatan rendah.

Malah kepada anak-anak yang terlibat, dari kecil lagi dianya telahpun melahirkan rasa rendah diri ataupun inferiority complex apabila mendapati rakan-rakan yang telahpun menghadiri pra sekolah telah boleh mengenal huruf, mengira dan juga membaca.

Saya berharap supaya pihak Kementerian Pendidikan khususnya, memikirkan soal ini dan pihak Kementerian Kewangan dapat mengadakan peruntukan yang secukupnya. Janganlah dijadikan alasan kerana kekurangan kakitangan ataupun sebagainya anak-anak daripada golongan berpendapatan rendah tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan pra sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah bahawa masa depan Malaysia amat bergantung kepada kestabilan dan juga perpaduan negara. Program-program pembinaan bangsa dan masyarakat penyayang perlu diamalkan oleh semua pihak dan Kerajaan telahpun bersetuju supaya 16hb September dijadikan "Hari Perpaduan". Saya berharap Kerajaan dapat menubuhkan satu jabatan ataupun agensi yang khas untuk benar-benar memanfaatkan Hari Perpaduan ini.

Setiap lapisan rakyat hendaklah disedarkan tentang perlunya perpaduan. Setiap lapisan rakyat hendaklah dilibatkan. Kita tidak mahu melihat hanya rakyat di peringkat bawahan sahaja yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perpaduan manakala penglibatan rakyat di peringkat atasan amat terhad sekali. Integrasi rakyat yang berpendapatan rendah dengan rakyat yang berpendapatan tinggi hendaklah digalakkan. Program interaksi pegawai tinggi Kerajaan dengan pegawai peringkat bawahan dengan rakyat jelata hendaklah

diadakan.

Dalam konteks ini juga saya ingin memberikan pandangan ikhlas saya terhadap amalan setengah-setengah jabatan ataupun badan-badan yang mengadakan majlis-majlis perasmian yang dihadiri oleh pemimpin ataupun pembesar-pembesar. Saya dapati, walaupun perkara ini kecil, tetapi apabila tiba masa-masa jamuan terdapat perbezaan yang ketara tentang hidangan jamuan untuk jemputan khas. Untuk VIP dihidangkan dengan jamuan yang enak-enak, manakala rakyat biasa diberikan jamuan yang berlainan secara ala kadar. Amalan ini tidak patut dilakukan. Apatah lagi apabila rakyat biasa dapat melihat dan membezakan antara jamuan yang mereka makan dengan jamuan yang dimakan oleh para jemputan khas. Meskipun perkara ini kecil tetapi ianya memberikan implikasi kepada pemikiran rakyat. Saya dapat merasakan apa yang difikirkan oleh rakyat biasa apabila melihat pemimpin mereka menikmati hidangan yang berbeza daripada apa yang dihidangkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tarikh 16hb September telahpun dipilih kerana pada hari itulah tertubuhnya Malaysia yang tercinta. Di samping kita memperingati tarikh-tarikh kegembiraan seperti 31hb Ogos, 16hb September, kita juga tidak seharusnya melupakan tarikh-tarikh hitam di dalam detik sejarah bangsa kita. Mungkin ada pihak yang memikirkan tidak perlu kita memperingati tarikh-tarikh detik hitam di dalam hidup kita. Adalah dikhuatiri dengan mengingati tarikh-tarikh detik hitam ini dalam hidup kita, ianya akan memperingati sejarah silam dan menimbulkan sesuatu yang kurang baik. Walau bagaimanapun kita cuba melupakan sesuatu detik hitam di dalam sejarah bangsa kita atau di dalam sejarah sebuah negara, ianya akan tetap diingati dan disebut apabila anak-anak kita

mengkaji ataupun mempelajari sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah, setiap peristiwa yang berlaku ada hikmahnya yang tersendiri. Oleh kerana kita bersidang dalam bulan Mei, saya ingin mencadangkan supaya tarikh 13hb Mei dijadikan sebagai "Hari Keinsafan". Agar tarikh ini akan kita kenang sebagai tarikh bermulanya kita bersama-sama berhasrat melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Agar tarikh ini kita insafi bersama betapa perlunya kita bertoleransi, saling faham memahami di antara satu dengan yang lain. Kita ingatkan tarikh ini betapa malapetaka yang akan menimpa bangsa dan rakyat kita andainya kita tidak bersatu padu. Marilah kita melihat tarikh 13hb Mei dari segi positifnya dan bukan dari segi negatifnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya ingin sentuh dalam ucapan saya ialah mengenai kebebasan akhbar, Seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan sentiasa menjamin kebebasan bersuara kepada akhbar dan juga mass media dan mass media yang bebas pula hendaklah bersikap positif khususnya dalam memupuk keharmonian rakyat.

Tidak dapat dipertikaikan bahawa wartawan dan juga media massa merupakan sebagai salah satu daripada kuasa di dalam negara ini. Peranan media massa dalam membentuk pemikiran rakyat begitu ketara dan juga berkesan sekali. Sebarang kebebasan yang diberikan hendaklah disertakan dengan perasaan tanggungjawab. Kebebasan dan juga kuasa yang diberikan tanpa tanggungjawab akan mengakibatkan huru-hara. Saya berharap kepada wartawan dan media massa hendaklah menggunakan kuasa yang ada kepada mereka dengan penuh perasaan dan

tanggungjawab untuk kepentingan negara. Wartawan dan juga media massa hendaklah bertindak menjadi lidah penyambung yang bertanggungjawab di antara rakyat dan juga Kerajaan. Segala kepincangan yang berlaku dalam masyarakat, dalam pentadbiran Kerajaan hendaklah didedahkan dengan perasaan tanggungjawab tanpa mempunyai niat untuk menjatuhkan atau menganiaya mana-mana pihak sekalipun. Saya percaya pihak Kerajaan yang menjamin kebebasan akhbar akan menerima sebarang teguran dengan hati dan juga perasaan yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyentuh soal keselamatan, soal pendidikan, perpaduan dan juga kebebasan akhbar di dalam perbahasan ini. Insya Allah, saya akan menyentuh soal-soal lain di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang lain. Saya sekali lagi mengucapkan terima kaaih dan dengan ini mencadangkan Usul Ucapan Terima Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai.

4.30 ptg.

**Dato' William Chek Lin Kwai:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Usul yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, iaitu untuk menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Baginda membuka Persidangan Parlimen Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen yang Kelapan. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah sudi memberikan saya peluang ini untuk bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong, saya berpendapat Titah Ucapannya adalah begitu luas dan menyeluruh sekali. Salah satu tajuk dalam Titah Ucapan ialah berkenaan dengan perpaduan negara.

Memang benar masa depan negara kita amat bergantung kepada kestabilan politik dan perpaduan negara untuk menghadapi segala cabaran yang ditemui menjelang tahun 2020. Kita harus berusaha untuk meningkat lagi tahap perpaduan di antara kaum-kaum dalam negara kita. Oleh hal yang demikian, usaha Kerajaan untuk mengisytiharkan 16hb September setiap tahun sebagai Hari Perpaduan adalah tepat sekali.

Dalam hubungan soal perpaduan, saya juga merayu kepada pihak Kerajaan supaya lebih prihatin ke atas aktiviti-aktiviti dan kebajikan belia-belie kita. Saya dapati banyak belia-belie masyarakat Tionghua tidak diberi perhatian yang mencukupi oleh Kementerian Belia dan Sukan. Misalannya ialah pertubuhan belia Young Malaysians' Movement (YMM), dengan izin, dan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM). Kebanyakan aktiviti-aktiviti dan program

yang dianjurkan oleh belia-belia tersebut tidak mendapat sumbangan dan galakan daripada Kementerian seperti yang diberikan kepada pertubuhan belia lain seperti Pertubuhan Belia 4B. Saya berpendapat satu peruntukan yang agak munasabah dapat disalurkan setiap tahun kepada semua pertubuhan belia tanpa mengira sama ada belia-belia ini adalah daripada golongan apa. Jangan kita lupa bahawa belia-belia pada hari ini akan mengambil tempat pimpinan negara kita di suatu hari.

[Timbalan Yang di-pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai keadaan ekonomi negara kita. Pada masa ini kita dapat melihat pembangunan negara kita adalah begitu pesat, dan pertumbuhan ekonomi adalah menggalakkan sekali. Akan tetapi pertumbuhan ekonomi yang pesat juga akan mewujudkan beberapa tekanan dalam bentuk kenaikan harga secara umum, kenaikan pasaran buruh dan juga kesan inflasi. Jika kita tidak berhati-hati dan berwaspada, saya khuatir bahawa satu kadar inflasi melebihi 5% akan wujud. Walau bagaimanapun, saya sangat menghargai usaha Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad yang mengambil langkah menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi menghadapi masalah inflasi ini. Saya percaya dan berkeyakinan bahawa Kerajaan akan menguruskan negara kita dengan baik serta mempunyai dasar-dasar fiskal dan dapat mempertingkatkan lagi prestasi dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan V.K. Sellappan.

**4.34 ptg.**

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini untuk menyampaikan ucapan

tahniah dan terima kasih kepada Baginda kerana sudinya menyampaikan ucapan sebagaimana yang kita sedang membahaskan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menarik perhatian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berbagai masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang di seluruh negara pada masa ini. Masalah yang seringkali dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang mungkin tidak merupakan satu masalah ataupun satu topik yang baru. Tetapi masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang tanpa disedari telah menjadi masalah-masalah serius dan rumit. Ianya memerlukan langkah-langkah yang positif untuk melindungi daripada menjadi lebih serius lagi dan seterusnya tidak dapat dikawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja ladang merupakan satu golongan yang tinggal jauh dari arus pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia. Mereka telah bekerja di ladang-ladang dari empat keturunan dan seterusnya menjadi tulang belakang untuk membangunkan negara ini. Jasa mereka untuk negara merupakan satu faktor yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Walaupun pekerja-pekerja ladang ini memainkan peranan yang penting untuk membangunkan negara sejak empat keturunan lebih, tetapi malangnya nasib mereka tidak berubah.

Kebanyakan mereka masih dalam kecengkaman kemiskinan, taraf sosio-ekonomi mereka jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan golongan lain. Kebanyakan pekerja-pekerja ladang juga terpaksa hidup di suatu suasana di mana kemudahan-kemudahan asas seperti air

dan elektrik tidak disediakan. dengan sempurna oleh majikan-majikan ladang. Keadaan ini telah dibuktikan dalam kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pihak. Walaupun masalah-masalah ini memberi kesan buruk terhadap sektor perladangan, tetapi langkah-langkah yang positif telah tidak diambil untuk menyelesaikannya.

Baru-baru ini kita sering mendengar satu lagi masalah baru yang telah melanda beberapa ladang. Masalah ini timbul apabila ladang-ladang getah ataupun kelapa sawit diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak swasta untuk projek-projek pembangunan. Apabila ladang-ladang ini dijual kepada Kerajaan Negeri ataupun pihak swasta untuk membuat projek-projek pembangunan, pekerja-pekerja di ladang-ladang terbabit hilang pekerjaan mereka. Mereka juga terpaksa mengosongkan rumah-rumah mereka di ladang-ladang tersebut. Apabila timbul satu suasana sebegini, mereka akan berada dalam satu dilema di mana mereka tidak tahu ke mana hendak dituju. Pekerja-pekerja ladang yang terbabit ini terpaksa mencari tempat kediaman untuk keluarganya dan mencari pekerjaan untuk meneruskan hidup. Sekiranya mereka tidak dapat mencari tempat kediaman dan pekerjaan di sektor ladang yang pernah mereka tinggal dan bekerja, maka mereka akan berhijrah ke bandar-bandar. Setelah berhijrah ke bandar-bandar, mereka mungkin tidak mampu membeli rumah ataupun menyewa rumah. Dalam keadaan begini, mereka akan mendirikan rumah secara haram di tanah-tanah Kerajaan ataupun pihak swasta, Situasi ini akan meruncingkan usaha-usaha Kerajaan untuk menyelesaikan masalah penduduk-penduduk haram di bandar-bandar seluruh negara. Jika pekerja-pekerja ladang yang hilang pekerjaan dan tempat tinggal

berhijrah ke bandar-bandar dan seterusnya mendirikan rumah-rumah secara haram, ia akan menimbulkan satu fenomena baru dalam negara ini. Oleh yang demikian, langkah-langkah awal patut diambil untuk membendung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila sesebuah ladang diambil untuk projek pembangunan, pekerja-pekerja ladang yang tersebut itu menghadapi empat masalah yang patut diberi perhatian oleh Kerajaan.

Masalah-masalah itu ialah:-

- (i) pekerja-pekerja ladang terbabit itu akan hilang tempat kediaman;
- (ii) mereka akan hilang pekerjaan;
- (iii) sekolah di ladang tersebut terpaksa ditutup;
- (iv) mereka akan hilang tempat ibadat, iaitu mesjid, surau, kuil, tokong dan gereja.

Apabila empat masalah ini timbul di kalangan pekerja-pekerja ladang terbabit, maka pelajaran-pelajaran anak-anak mereka, kebudayaan mereka serta struktur kekeluargaan mereka juga turut terjejas.

Oleh kerana mereka ini hanya manpu untuk membuat kerja-kerja ladang, mereka tidak dapat mencari pekerjaan di sektor-sektor seperti perindustrian. Masalah-masalah pekerja-pekerja ladang yang akan terbabit ini, sudah tentu akan menjadi lebih rumit memandangkan negara Malaysia menuju ke arah untuk menjadi sebuah negara yang maju dalam sektor perindustrian menjelang tahun 2020, seperti yang di—ilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita dapat membayangkan di sini menjelang tahun 2020, apabila negara sudah menjadi negara maju, mungkin ladang-ladang getah dan kelapa sawit akan hilang dalam arus pembangunan perindustrian. Hakikat ini mungkin menjadi satu kenyataan menjelang tahun 2020.

Menyedari hakikat ini, maka saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya Kerajaan menimbangkan untuk mewujudkan satu Dasar Perlindungan Pekerja-pekerja Ladang bagi menjamin masa depan pekerja-pekerja ladang di seluruh negara. Kita patut sedar, bahawa masa telah sampai untuk melaksanakan satu dasar di mana ia boleh menjamin kepentingan pekerja-pekerja ladang apabila mereka hilang pekerjaan dan tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang tidak merupakan masalah-masalah sesuatu kaum ataupun ia tidak boleh dianggap sebagai masalah peringkat negeri. Masalah-masalah pekerja-pekerja Ladang merupakan masalah yang timbul

di seluruh negara dan ia tidak boleh diabaikan sebegitu sahaja. Seperti yang dicadangkan sebentar tadi, Dasar Perlindungan Pekerja-pekerja Ladang akan memastikan pekerja-pekerja ladang yang diambil untuk projek-projek pembangunan menerima segala kemudahan-kemudahan asas yang mereka menikmati semasa bekerja di ladang tersebut.

Menerusi dasar ini, satu bentuk kehidupan baru patut diwujudkan untuk mereka yang terbabit. Sekiranya ladang yang terbabit mempunyai tempat kediaman, sekolah, masjid, kuil, tokong, gereja, sekolah TADIKA dan sebagainya, maka kemudahan-kemudahan asas ini patut diwujudkan untuk pekerja-pekerja terbabit di tempat lain. Tempat baru ini harus disediakan oleh pihak-pihak yang membeli ladang tersebut untuk pembangunan. Ini merupakan tanggungjawab mereka untuk kepentingan masyarakat. Dengan berbuat demikian, Dasar Perlindungan Pekerja-pekerja Ladang akan mengekalkan struktur tali persaudaraan serta asas kekeluargaan mereka yang terbabit, dan sambil mewujudkan satu suasana kehidupan baru untuk pekerja-pekerja ladang terbabit, kita dapat memastikan taraf sosio-ekonomi mereka terjamin. Dari segi pekerjaan pula, pekerja-pekerja ladang ini patut diberi keutamaan dalam projek-projek pembangunan yang akan dijalankan di ladang mereka. Ini semua boleh dilakukan sekiranya satu dasar untuk pekerja-pekerja ladang yang hilang pekerjaan dan tempat tinggal dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, para pekerja di Malaysia adalah di antara pekerja yang bernasib baik di dunia ini. Tetapi, jika kita lihat dari satu sudut lagi, kita dapat sedar jurang

perbezaan di antara pekerja-pekerja sektor lain dengan pekerja-pekerja ladang. Taraf hidup pekerja-pekerja ladang tidak begitu memuaskan, ini kerana gaji yang mereka terima rendah dan mereka terpaksa hidup di tempat tinggal yang tidak mempunyai keperluan-keperluan asas. Jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja sektor lain, boleh dikatakan kebanyakan pekerja-pekerja ladang masih belum menikmati hasil pembangunan negara, walaupun mereka telah sama-sama bertungkus-lumus untuk membangunkan negara.

Sejak negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan parti Perikatan dahulu dan Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah melaksanakan beberapa dasar untuk mengubah nasib pekerja-pekerja ladang dan seterusnya mengukuhkan taraf sosio-ekonomi mereka. Tetapi hasilnya tidak begitu memuaskan. Di sini kita sedar, banyak lagi langkah-langkah positif patut diambil untuk menaikkan taraf hidup pekerja-pekerja ladang di seluruh negara.

Saya penuh yakin, sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa menjaga kepentingan rakyat, Kerajaan Barisan Nasional akan mengambil perhatian terhadap cadangan saya ini. Kita sedar Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bertindak adil dalam menyelesaikan sebarang pertikaian yang di antara majikan dengan pekerja. Kerajaan Barisan Nasional juga dikenali sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa melindungi kepentingan pekerja dan menentukan supaya majikan sentiasa berlaku adil terhadap pekerja ini, menang tidak boleh dinafikan.

Dan saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih serius lagi terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang, apabila ladang yang mana mereka bekerja diambil untuk projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, baru-baru ini menyeru pihak-pihak terbabit supaya memastikan kepentingan pekerja-pekerja ladang diberi perhatian selepas ladang yang mana mereka bekerja diambil untuk projek pembangunan. Seruan Menteri Besar Selangor adalah tepat pada masa ini.

Saya harap Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian kepada cadangan saya untuk mewujudkan dan seterusnya melaksanakan Dasar Perlindungan Pekerja-pekerja Ladang yang hilang pekerjaan dan tempat kediaman. Saya juga penuh yakin anggota-anggota dalam Dewan yang mulia ini akan turut menyokong cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berundur mengakhiri ucapan saya, izinkan saya merakamkan sokongan saya kepada saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang dasar keharmonian, kestabilan politik kesejahteraan rakyat. Rakyat sejahtera, negara maju! Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Saidin.

4.48 ptg.

**Tuan Saidin bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kerana peluang diberi kepada saya untuk memberi sedikit-sebanyak pandangan, terutama sekali mengenai pendakwaan dan mengenai masyarakat tani dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan bagi membuat ucapan untuk dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sangat sukacita melahirkan rasa amat bangga kerana sepanjang Titah Ucapan itu, telah mambuka mata rakyat betapa dalam pemerintahan Baginda, negara Malaysia telah mencapai kemajuan semua aspek kehidupan. Hanya sanya mereka yang tidak bersyukur sahaja ataupun yang sentiasa mementingkan diri sahaja ataupun memandang buruk sahaja, sentiasa negatif bahkan sanggup memainkan peranan menjadi dalang bagi memecah-belahkan perpaduan rakyat dan pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang berperasaan negatif, bukan sahaja tidak mahu menolong orang dan bagaimana hendak menolong orang, sedangkan diri sendiri resah gelisah. Jika adapun, mereka membuat berbakti kepada masyarakat, tetapi ada udang di sebalik batu', Pada zahirnya bagi mereka yang tidak memahami siapa mereka itu sebenarnya, menyanjung dan memuja setinggi langit.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak acap kali, tidak simpanglah dugaan kita, mereka itu seringkali tandus di dalam perjuangan. Tetapi ketika itu, 'nasi sudah menjadi bubur'. Bagi mengingatkan Kerajaan supaya segera bertindak jika penyakit itu 'cancer', hendaknya rawatan dari awal lagi dibuat, supaya kuman dibanteraskan sama sekali. Semoga tidak merebak dan penyakit menjadi sembuh.

Arqam, sebuah pertubuhan dakwah yang sudah meluas perkembangannya. Jika dakwah Islamiah berjalan semata-mata kerana memupuk peningkatan fahaman Islam, amatlah baik dan perlu disokong tetapi dari masa ke semasa perkembangan Arqam dari segi dakwah telah banyak dipertikaikan oleh alim ulamak dan oleh masyarakat seluruhnya. Masyarakat pula memang merasai bahawa perkembangan Arqam amat memberi cabaran kerana masyarakat Malaysia amnya memang berpegang kepada sunnah wal-jamaah. Banyak pertubuhan-pertubuhan diperalatkan oleh pemimpin-pemimpin itu sebagai tangga bagi mencapai cita-cita mereka. Arqam nampaknya sudah begitu ketara sekali di dalam wawasan pemimpinnya.

Kerajaan harus mengemukakan suatu laporan lengkap kepada Parlimen supaya satu keputusan muktamat dibuat. Badan-badan dakwah yang menjadi rintangan kepada Kerajaan dalam membangunkan negara dan membawa kemunduran masyarakat yakni berfahaman fanatik ataupun sempit yang mula berkembang di merata-rata tempat di dalam negara ini, kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas. Di antara badan-badan dakwah yang sudah begitu memuncak, mungkin berkembang pesat dan sukar untuk dibanteraskan perkembangannya ialah Jamaah Tabligh. Selain daripada itu, Syiah juga merupakan satu daripada pendakwaan yang menjadi tanda tanya dalam masyarakat kita sekarang ini.

Seperti mana yang kita tahu Jamaah Tabligh telah menjalankan kegiatan pendakwaan dari rumah ke rumah dan markasnya digilir-gilirkan dari sebuah masjid kepada sebuah masjid yang lain.

Mereka ini meninggalkan rumah, isteri dan anak sehingga berminggu, bahkan berbulan-bulan dan bila ditanya siapa yang menyara ataupun memberi nafkah kepada anak dan isteri mereka, mereka menyatakan rezki adalah daripada Allah dan Allahlah yang memberi rezki kepada anak ataupun keluarga mereka; Saya telah menyiasat kepada jiran-jiran di sebelah rumah mereka ataupun keluarga mereka yang berhampiran, dan mereka inilah yang memberi makan. Memanglah benar pemberian daripada jiran sebelah itu adalah daripada Allah. Bagi Syiah pula yang menimbulkan sesuatu yang begitu ketara ialah tentang perakuan Nabi dan Rasulullah. Bagi mereka Saidina Ali adalah Nabi dan Rasulullah. Di sini, menyerlahkan bagaimana berlawannya Syiah ini dengan Sunnah wal-jamaah yang dianuti oleh penganut-penganut Islam di negara ini selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, andainya kefahaman Islam kepada rakyat Islam dalam negara kita ini tidak dipertingkatkan kefahamannya, disebarluaskan pendakwahnya, walaupun selama ini pihak Pusat Dakwah di Jabatan Perdana Menteri dan Yayasan Islam di negeri-negeri memainkan peranan, tetapi kefahaman Islam perlu ditingkatkan dan digemblengkan serta peruntukan-peruntukan yang besar harus diberi oleh Kerajaan. Penganut-penganut ugama lain dalam negara ini tidak harus merasa terkilan di atas peruntukan Kerajaan itu. Ajaran yang mengatakan bahawa orang Islam tidak boleh berjabat tangan ataupun bersalam dengan orang bukan Islam kerana najis dan lain-lainnya seperti didakwahkan oleh mereka yang berkenaan perlulah diberi kefahaman sebenar kerana pendakwah yang sedemikian boleh membawa pecah-belah masyarakat dalam negara kita dan dengan berpecah-

belahnya kefahaman-kefahaman yang menyeleweng itu akan menyukarkan Kerajaan ataupun rakyat negara ini untuk disatupadukan semula.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan penduduk di negara ini bertambah ramai dengan pesatnya, tetapi yang tidak pesat bertambah bahkan mengurang ialah tok-tok guru yang berpengalaman luas dalam kefahaman agama. Sehubungan dengan itu, bagi mereka yang bergelar tok-tok guru, ustaz-ustaz, tok imam, bukanlah semudah guru sekolah yang hendak menjadi guru. Oleh sebab mereka ini berdepan dengan orang dewasa dan psikologi orang dewasa adalah berlainan daripada kanak-kanak sekolah. Dengan sebab itu umur seseorang yang menjangkau jauh juga memainkan peranan di dalam menawan ataupun mempengaruhi pengikut-pengikut.

Justeru itu, bagi mereka yang menjadi pendakwah Islamiah Kerajaan sama ada guru-guru agama sekolah, penyelia-penyelia dan guru-guru agama KEMAS, tidaklah patut dihadkan umur. Asalkan mereka itu sihat, maka dibolehkan mereka meneruskan khidmatnya hingga ke akhir hayat.

Tuan Yang di-Pertua, pembelaan saya kepada pendakwah-pendakwah Islamiah yang berusia lanjut tadi tetapi sihat, kadang-kadang lebih sihat daripada sesetengah orang muda, kerana mereka itu juga adalah pejuang-pejuang Islam selama ini. Itulah sahaja peluang yang harus tidak diketepikan atau dipandang sepi begitu sahaja, ataupun mudah membuat keputusan untuk menyingkirkan mereka daripada perjuangan ataupun daripada mereka bertugas. Kerana mereka ini akan dapat terus mengekalkan keadaan negara kita yang harmoni. Dengan semangat gigih mereka dan pendakwahan yang luas, yakni tidak fanatik, maka daripada merekalah pencapaian sekarang ini dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pendakwaan di kampung-kampung, di merata teruk rantau dan di desa-desa, maka ada di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar, khususnya petani-petani dan nelayan-nelayan, di mana dengan pengaruh tersebut menyebabkan petani-petani meninggalkan kerja-kerja seharian mereka. Jadi, petani-petani dan nelayan-nelayan dikampung-kampung kadang-kadang dibawa arus kerana kefahaman yang sempit yang diterima oleh mereka. Jadi, dengan demikian petani-petani ini akan terus ketinggalan dalam pembangunan

Sepertimana yang diketahui umum, kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan, sebahagian besar daripada mereka, mungkin sampai 95%, adalah terdiri daripada mereka yang berpendidikan rendah. Mereka hidup saling bantu-membantu dan ikhlas di antara satu sama lain. Dengan demikian petani-petani di kampung-kampung sekarang ini mudah diserap dengan pengajaran-pengajaran yang menyeleweng, yang sempit dan tidak berkemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah bertepatan dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menekankan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin di dalam menangani pengagihan yang saksama, pembangunan sosial rakyat melalui pembangunan rasional dan pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju ataupun yang berdaya tahan,

Lebih-lebih lagi yang ditunggu-tunggukan oleh rakyat ialah mengenai penyentuhan Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong tentang Dasar Perindustrian Negara yang bertujuan bagi mempertingkatkan pengeluaran komoditi bernilai tinggi dan proses mekanisasi dan pengurusan teknologi tinggi, latihan, pembangunan tenaga manusia dan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, andainya apa yang dihasratkan oleh Kerajaan itu dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya, masyarakat petani dan nelayan tidak mudah dipesongkan oleh golongan-golongan yang tertentu. Sejauh ini petani-petani dan nelayan telah berubah mencapai suatu tahap yang membanggakan. Hanya pemimpin-pemimpin sahaja yang perlu membuat pendekatan yang lebih tepat lagi supaya petani-petani dapat menikmati kemajuan. Pengeluaran negara khususnya sayus-sayuran dan ternakan dipercayai dapat dipertingkatkan dengan mendadak kerana akhir-akhir ini, petani-petani telah mula mengeluarkan sayur-sayuran. Pengeluaran sayur-sayuran itu disebabkan ada pasaran yang baik dan ada jaminan pasaran dan nilai yang baik. Itulah sahaja harapan petani bagi mengekalkan suasana pengeluaran petani itu supaya terus meningkat pengurusan teknologi latihan pembangunan tenaga manusia dan penyelidikan boleh dilakukan di ladang-ladang di mana petani-petani itu sedang mengusahakan ladang mereka. Pendekatan beginilah, maksud saya tadi yang lebih praktikal dan berkesan serta dapat memberi keyakinan kepada petani-petani dalam menerapkan teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Selemiah binti Hashim.

5.04 ptg.

**Puan Hajah Selemiah binti Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, pohon izin untuk menyampaikan ucapan. Sebagai Ahli Dewan Negara yang baru dilantik, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya untuk berperanan sebagai penyalur hasrat dan kehendak rakyat di Dewan yang mulia ini. Insya Allah, saya akan menggunakan kesempatan peluang yang ada ini bagi menyumbangkan fikiran ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat di samping memberikan maklum-balas terhadap dasar-dasar Kerajaan, untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan serta tidak lari dari matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menyambungkan ucapan saya. Saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelapan ini yang antara lain telah menyentuh tentang perkembangan pesat negara di pelbagai bidang dan telah meletakkan negara kita tercinta ini sebagai salah sebuah negara model antuk negara dunia ketiga.

Saya yakin, di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa peka terhadap kehendak rakyat dan perkembangan semasa baik di dalam negara, mahupun di luar negara akan mempercepatkan kemunculan Malaysia sebagai sebuah negara maju sebagaimana yang dicita-citakan di dalam Wawasan 2020.

Sebagai sebuah negara yang pesat perkembangan ekonominya di dunia ini, saya menyokong langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan kekayaan negara dapat dinikmati oleh setiap rakyat tanpa kecuali dengan program membendung inflasi, meningkatkan kesedaran pengguna dan memperhebatkan program-program membasmi kemiskinan. Strategi penyerataan ekonomi hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dengan melibatkan bukan sahaja agensi-agensi Kerajaan, tetapi juga syarikat-syarikat swasta. Kesedaran pengguna hendaklah diberi penekanan wajar dan halangan birokrasi hendaklah dikurangkan bagi membawa ke muka pengadilan penjenayah-penjenayah kolar putih dan peniaga-peniaga yang tamak mencari keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha Kerajaan untuk membendung inflasi bagi memastikan rakyat terbanyak tidak menanggung beban, langkah-langkah tegas hendaklah diambil terhadap peniaga-peniaga yang sengaja mengadakan berbagai-bagai helah untuk menaikkan harga barangan. Peraturan ketat jualan murah yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna baru-baru ini, amatlah tepat pada masanya dan penguatkuasa peraturan ini hendaklah diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena peningkatan jenayah kolar putih beberapa tahun kebelakangan ini, amatlah membimbangkan dan sekiranya langkah-langkah tegas dan berani tidak diambil segera, dikhuatiri akan menimbulkan krisis sosial yang teruk.

Pohon izin bagi menyentuh secara umum dalam ucapan saya ini, sepanjang tahun 1992 difahamkan bahawa ramai penjenayah-penjenayah kolar putih telah ditangkap. Jadi, berapakah jumlah tangkapan dan juga jenis pekerjaan yang terlibat dan apakah hukuman yang telah dikenakan? Sekiranya peruntukan undang-undang yang ada tidak berkesan, sukacita disarankan agar undang-undang tersebut dikaji semula di samping diperhebatkan gerakan kesedaran pendidikan pengguna.

Sehubungan dengan ini, saya menyokong hasrat dan cita-cita beberapa orang peguam untuk menubuhkan Akademik Undang-undang bagi meningkatkan amalan guaman yang beretika, cekap, bersih dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, laporan akhbar baru-baru ini telah mendedahkan mengenai kelemahan prestasi akademik dan minat belajar yang rendah di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di Selangor, amatlah membimbang dan menakutkan. Sekiranya fakta yang telah dikemukakan tersebut satu fenomena yang berlaku di seluruh negara, apakah langkah-langkah pembetulan telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan? Saya mencadangkan supaya program pendidikan yang mampu melahirkan generasi muda yang berupaya bersaing, yang inovatif dan dinamik hendaklah dirangka agar negara akan bersedia menghadapi cabaran abad ke 21.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mohon menyokong dan menamatkan acapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Hanipah bin Ahraad.

**5.08 ptg.**

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil sedikit kesempatan untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita telah mendapat maklum, kita amat bertuah berada di sebuah negara yang maju dan dalam suasana keadaan kecemasan yang kita anggapkan di peringkat yang dapat menjamin keselamatan negara dan juga serata Asia Tenggara.

Saya berfaham, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedikit sebanyak berhasratkan kepada negara demokrasi dan Raja berperlembagaan. Sepertimana yang kita faham, Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun dan sepertimana yang kita dapat difahamkan, kadar pertumbuhan ekonomi sedang berada di peringkat 8% dan kita berharap kadar ini dapat dikekalkan dan juga akan dapat ditingkatkan dari satu masa ke satu masa supaya kehendak dan cita-cita negara khususnya pihak Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara NIC akan tercapai dan pencapaian ekonomi ini akan dapat membawa banyak keselesaan dan kesempurnaan hidup kepada semua golongan masyarakat yang ada di negara kita ini yang terdiri dari berbilang kaum.

Walau macam mana pun, kita masih juga mendengar suara-suara dan nada-nada yang kadangkala dapat mengecutkan hati sebilangan rakyat di negara Malaysia ini, yang mana pada tempohari ada juga nada-nada yang masih mempersoalkan taraf bumiputera yang tidak sepatutnya dipersoalkan lagi kerana semua golongan masyarakat yang berbilang kaum di negara Malaysia telah mendapat nikmat-nikmat kemudahan-kemudahan di semua bahagian termasuk segi kemasyarakatan dan juga dari sektor ekonomi sendiri.

Seperti mana yang kita dapat faham, semoga wawasan yang diharapkan oleh pihak pemerintah untuk menuju ke sebuah negara yang maju adalah sedikit sebanyak bergantung kepada inisiatif yang patut diambil oleh pihak rakyatnya sendiri dan saya mempercayai semua ini akan dapat ditingkatkan lagi jika semua golongan rakyat Malaysia akan dapat meningkatkan lagi produktiviti mereka ,di dalam semua bidang yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menuju ke sebuah negara yang maju, kita juga akan berhadapan dengan masalah-masalah yang ada kaitan dengan faktor ekonomi. Buat masa sekarang negara kita sentiasa dipercakapkan tentang kedudukan inflasi yang sedang melanda negara kita dan kita percaya pihak Kerajaan amatlah mengambil perhatian yang begitu besar terhadap inflasi yang mula mula menapak balik di negara kita ini. Dan juga kita mempercayai Jawatankuasa yang telah - ditubuhkan oleh pihak Kerajaan haruslah mendapat sumbangan semua rakyat di negara kita. Kita percaya dan berharap kadar inflasi yang ada sekarang ini dapat diturunkan dari satu masa ke satu masa dan kita juga telah difahamkan sudah menjadi dasar

pihak Kerajaan supaya kadar inflasi ini kita akan dapat turunkan kepada peringkat 0% pada satu masa yang tidak dapat lagi kita tentukan.

Tetapi walau macam mana pun, ini sudah menjadi satu dasar kerajaan dan kita selaku rakyat Malaysia haruslah menyokong kaedah-kaedah atau apa juga cara yang akan diusahakan oleh pihak pemerintah untuk mengurangkan inflasi yang masih ada di negara kita. Walau macam mana pun, kita mendapati kesan inflasi ini telah mendapat perhatian daripada pucuk pimpinan sendiri yang mana kita juga faham Yang Amat Berhormat dalam satu majlis, saya ingin membaca satu ungkapan yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi:

"Setiap lapisan rakyat supaya mengawal perbelanjaan mereka untuk mengelakkan negara mengalami inflasi yang lebih teruk."

Jadi, kita mempercayai anggapan ini satu ungkapan yang patut mendapat perhatian dari semua golongan rakyat yang meliputi semua sektor yang ada di negara kita.

Saya juga berpendapat satu usaha atau satu kempen - kempen yang dikenal sebagai 'kempen kawal perbelanjaan' haruslah dijalankan atau diambil tindakan oleh pihak Kerajaan bagi memenuhi hasrat atau cita-cita yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya inflasi di negara kita tidak akan lebih teruk lagi di masa yang akan datang.

Saya percaya, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan dapat mengambil langkah-langkah untuk kita

mengadakan kempen 'kawal perbelanjaan' seperti mana kempen-kempen yang lain yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan umpamanya kempen anti dadah; kempen kita melawan AIDS; kempen bulan bahasa; dan satu masa dahulu kita juga berkempen untuk menegakkan balik negara kita sebagai sebuah negara yang benar-benar mengamalkan demokrasi.

Bagaimanakah kempen-kempen ini dapat dilaksanakan? Saya mempunyai keyakinan dan kepercayaan kerana pada setiap negeri di negara kita ini mempunyai persatuan pengguna di peringkat negeri. Saya percaya persatuan pengguna di peringkat negeri dapat memainkan peranan masing-masing untuk membantu Kerajaan jika Kerajaan bersetuju dengan satu saranan atau cadangan yang saya telah kemukakan tadi. Saya juga berharap para pengguna akan dapat memberi sokongan jika kempen kawalan perbelanjaan ini dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada menyentuh tentang sektor perindustrian negara. Seperti mana yang kita dapat maklum dan kita faham, Malaysia adalah sebuah negara berkecuali atau negara NAM dan kita percaya, selaku sebuah negara berkecuali, Malaysia akan dapat menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur luar untuk melabur di negara kita ini. Saya percaya rombongan-rombongan perniagaan atau trade missions yang telah diperakukan oleh pihak Kerajaan akan membawa banyak manfaat ataupun keuntungan kepada negara kita.

Untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dalam negara kita ada juga negeri-negeri yang tidak berkemampuan untuk mengadakan rombongan perdagangannya sendiri

disebabkan negeri itu kecil dan sumber ekonominya yang terhad. Jadi, saya menyeru kepada pihak Kerajaan, khususnya Kerajaan Pusat dan juga Kementerian-kementerian yang berkenaan, jika mencadangkan diadakan rombongan-rombongan atau delegasi pelaburan ke luar negeri, janganlah lupa juga dipelawa atau dijemput dari sebuah negeri yang kecil yang berada di sebelah utara supaya dipersilakan atau dijemput juga ahli-ahli perniagaan ataupun pihak-pihak swasta yang terdapat di sebuah negeri kecil yang saya sebutkan tadi. Saya percaya, untuk kepecingan pelabur-pelabur negeri yang kecil itu juga akan dapat turut serta dalam rombongan-rombongan ekonomi yang akan diadakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita perlukan kepada perindustrian, kita juga jangan lupa perkara-perkara yang ada sedikit-sebanyak hubungkait dengan kesejahteraan hidup rakyat di tempat-tempat di mana pusat-pusat perindustrian itu diadakan. Kita percaya Kerajaan juga akan mengambil perhatian supaya alam persekitaran akan juga diambil perhatian bila sampai masanya sesuatu perindustrian itu hendak diadakan.

Dan kita percaya pelabur-pelabur juga haruslah memahami dasar-dasar terhadap alam sekitar yang masih diperjuangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh tentang fasal tenaga yang mahir. Kita mempercayai dengan adanya hubungan yang harmonis di antara pekerja dengan majikan yang mana ini menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi sesebuah negeri dan kita berharap kesatuan-kesatuan yang ada di negara kita akan bersama-sama dengan Kerajaan untuk membantu bagi membolehkan suasana iklim ekonomi atau iklim perhubungan di antara majikan dan tenaga-tenaga kerja akan dapat berterusan dan berada dalam keadaan yang sempurna demi kepentingan pembangunan ekonomi di negara kita ini.

Kita juga berharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat menyelenggarakan ilmu teknologi canggih kepada pekerja-pekerja kita dengan cara menghantarkan belia-belia kita ke luar negeri untuk mendapatkan ilmu tentang teknologi-teknologi yang moden ini. Kita percaya juga dengan adanya iklim harmonis ini antara pekerja dengan majikan negara kita akan lebih maju dalam bidang industri dan juga pertanian dan kita mempercayai semua ini akan tercapai bila adanya kadar upah yang menasabah di negara ini dan saya juga menyerukan sepertimana dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Panel Upah Negara akan dapat menimbangkan kadar upah yang menasabah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendapati sebutan luar bandar dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana dalam titah itu mengharapkan supaya semua kemudahan asas dengan tujuan menghapuskan istilah "luar bandar" adalah dialu-alukan. Jadi kita mengharapkan hasrat Wawasan 2020 akan tercapai dan bila sampainya tarikh yang berkenaan tidak lagi akan timbul istilah-istilah "luar bandar" dalam kamus setiap rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga sebuah negeri di Malaysia ini yang pada masa dulunya diklasifikasikan sebagai sebuah negeri luar bandar dan bila ditakrifkan sebagai sebuah negeri luar bandar kemungkinan banyaklah sumbangan-sumbangan yang tidak dapat diberikan mengikut kadar sebuah negeri yang tidak ditakrifkan sebagai sebuah negeri luar bandar. Saya tidak hendak menerangkan arah manakah yang ditunjukkan istilah luar bandar, sebuah negeri luar bandar tadi kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan tempohari telah membuat seruan supaya pihak Treasury, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat menimbang semula permohonan daripada sebuah negeri supaya bantuan tahunan dapat diperuntukkan dengan lebih banyak lagi untuk pembangunan sebuah negeri yang pada masa dahulu ditakrifkan sebagai negeri luar bandar dapat sama-sama maju ke arah membangunkan negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana juga perkara-perkara atau ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya juga bersetuju dengan pendapat seorang daripada Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan haruslah berwaspada dan menyediakan satu peruntukan

yang begitu tinggi ke arah menjamin keselamatan negara dengan kita mengambil perhatian berat dengan kedudukan dan perkembangan siasah, politik dengan negara-negara yang ada di persekitaran dengan negara Malaysia dan kita juga tidak dapat menafikan kadang-kala insiden-insiden yang berlaku dengan negara-negara jiran dapat sedikit sebanyak rnyuitkan negara Malaysia dan kita juga memahami kalau negara-negara ini menganggap dia sebuah negara yang kuat, kukuh dalam bidang ketenteraan besar kemungkinan masalah-masalah yang kecil akan cuba diperbesarkan. Saya mempercayai pihak Kerajaan akan dapat menyediakan kelengkapan-kelengkapan perang yang mencukupi, yang begitu canggih untuk kita meletakkan negara kita sebuah negara yang setanding dari segi persiapan kelengkapan ketenteraan dengan negara-negara lain yang berjiran dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mempersoalkan atau mempercakapkan tentang keselamatan dan keselamatan negara kita akan berhadapan dengan keperluan pasukan-pasukan angkatan bersenjata, Polis dan juga tentera dan kita mempercayai semua golongan-golongan orang yang berkenaan kadang-kala memerlukan kepada keselesaan hidup bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Oleh yang demikian saya mengharapkan pihak Kerajaan akan dapat menyediakan tempat-tempat kediaman yang agak selesa kepada pasukan Angkatan Bersenjata, Polis dan juga tentera di negara kita ini.

Sehubungan dengan tempat-tempat kediaman yang selesa, maka kita juga amatlah bersetuju dengan satu keputusan Kerajaan yang akan menegakkan atau menetapkan kadar-kadar kediaman-kediaman atau tempat

kediaman kepada masyarakat yang berpendapatan rendah mempunyai tempat kediaman yang selesa dan keputusan Kerajaan untuk menetapkan atau mengekalkan harga rumah kos rendah kepada RM25,000 haruslah mendapat sokongan. daripada semua pihak iaitu pihak swasta dan juga agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan usaha menyediakan rumah kos rendah kepada masyarakat di Luar bandar. Dan usaha Kerajaan untuk mengujudkan Bank Rumah haruslah diberi sokongan dan kita mengharap usaha-usaha untuk mempercepatkan Bank Rumah yang dirangkakan itu dapat diselenggarakan demi kepentingan penduduk-penduduk yang berkehendakkan kepada pinjaman bagi membolehkan mereka menyediakan ongkos atau wang yang cukup bagi mereka memperolehi rumah yang berharga RM25,000.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi fasal-fasal yang telah didedahkan dan di antaranya meliputi dari segi pendidikan, pelancongan, kesihatan, pertanian dan juga koperasi yang semua ini bermatlamat untuk membawa Malaysia ke sebuah negara yang akan terus maju setanding dengan negara-negara lain di dunia ini khususnya di negara-negara ASEAN.

Dan kita mempercayai Malaysia akan juga dapat memainkan peranan untuk mencari kemakmuran, kesejahteraan, kedamaian dan keselamatan sejajar dengan keadaan suasana iklim perkembangan politik dan juga ekonomi dunia yang ada pada hari ini.

Saya juga mempercayai pemimpin-pemimpin negara Malaysia akan mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk membawa Malaysia ke arah sebuah negara menjelang tahun 2020, sepertimana Wawasan yang sama-sama kita harapkan untuk tercapai matlamat dan tujuan yang ada di dalam Wawasan 2020.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dan saya dengan ini untuk memberi sokongan menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Hanipah boleh sebut mana negeri yang disebut negeri luar bandar itu?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Mengikut istilah, semasa pihak penjajah dahulu dan juga berlanjutan selepas merdeka, negeri Perlis pada satu masa telah ditakrifkan sebagai sebuah negeri luar bandar dan kemudahan-kemudahan yang ada dalam negeri itu tidaklah setanding dengan negeri-negeri lain yang ada di dalam Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Negeri yang dimaksudkan itu 'Perlis'lah?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Perlis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, baik. Terima kasih. Dipersilakan Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali.

5.32 ptg.

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda ini, sukalah saya bincangkan juga bersama iaitu di dalam kita mengejar arus pembangunan dan perkembangan ekonomi yang begitu pesat, yang rata-rata mendapat sanjungan dan puja bukan sahaja oleh rakyat dan lain-lain negara, maka janganlah kita lupa satu lagi golongan masyarakat, yang tidak memahami dan juga tidak dapat mengejar arus pembangunan ekonomi yang kita capai pada hari ini. Golongan yang saya sebutkan tadi ialah golongan-golongan yang miskin.

Dan yang telah sampai masanya, walaupun Kerajaan menghabiskan wang yang begitu banyak untuk membangun dan juga untuk memulih, bukan sahaja untuk memulih ekonomi mereka, akan tetapi untuk membangunkan pemikirannya supaya mereka ini dapat sama-sama menikmati dan mengejar arus pembangunan. Kerana orang-orang yang marhain ini pada hemat saya merupakan orang-orang yang terhimpit fikirannya, yang kecil jiwanya, yang hanya sekadar dapat memikirkan tentang makan dan minum. Mereka ini tidak dapat gambaran yang sebenar tentang kemajuan, dan mereka ini tidak dapat maklumat untuk sama-sama mengejar dalam bidang-bidang yang tertentu. Bukan sahaja

ekonomi akan tetapi dalam bidang pendidikan mereka ini tertinggal jauh sekali. Sebab itu adalah amat perlu supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dapat menubuhkan Unit Pembangunan dan Kaunseling, supaya mereka yang tergolong daripada masyarakat yang miskin ini dapat dibimbing dan dibantu supaya mereka ini dapat memahami dan dapat sama-sama mengejar dan mengecap nikmat dalam arus kemajuan yang kita capai pada hari ini.

Kita mesti sedar dan faham terdapat mereka ini yang ditakrifkan mewarisi kemiskinan turun-temurun. Daripada datuk nenek moyang mereka, sacu masyarakat yang miskin dan sampai ke hari ini cucu-cicitnya masih mewarisi kemiskinan ini. Maka kemiskinan ini hendaklah kita pecahkan supaya mereka dapat membangun sama dari bersaing dengan masyarakat di sekelilingnya. Sebab itulah saya harapkan walaupun kita menghabiskan wang untuk membangunkan masyarakat ini, akan tetapi untungnya suatu hari nanti ialah beban kemiskinan ini hanya sedikit sahaja yang kita belanjakan. Biarlah pada hari ini kita habiskan wang untuk membantu golongan ini, insya Allah kita akan mendapat berkat dan dengan keberkatan inilah negara kita akan mencapai kejayaan sepertimana yang kita harap-harapkan.

Saya amat menyokong penuh saranan yang telah diperkatakan bahawa sebuah negara itu amat perlu kepada kekuatan ketenteraan. Kehebatan sesebuah negara itu bukan terletak kepada kekuatan ekonominya sahaja, akan tetapi kehebatan sesebuah negara itu juga terletak kepada kekuatan ketenteraannya.

Di dalam arus kemajuan ekonomi yang kita capai pada hari ini

janganlah kita lupa, kita amat perlu memperkuat ketenteraan kita dengan peralatan yang canggih dan begitu juga anggota-anggota tentera kita perlu belajar dari kecanggihan alat-alat itu supaya negara kita menjadi sebuah negara yang dihormati. Supaya ianya dapat kita wariskan kepada jenerasi di masa-masa akan datang, bahawa mereka dapat menyusunatur peninggalan para pemimpin' yang telah meninggalkan kesan-kesan yang baik kepada mereka.

Di dalam bidang perindustrian. Di dalam asyik kita mengambil para pekerja mahir daripada luar negeri, kita mesti mengambilkira tentang adanya agensi-agensi pekerjaan yang mana telah mengambil para pekerja yang dianggap mahir ini rupa-rupanya tidaklah seperti yang dikehendaki. Para pekerja yang diambil daripada luar ini boleh dikatakan ditampung dengan rakyat di negara kita sendiri, yang dapat memenuhi kekosongan yang disebut pekerja mahir ini.

Saya harapkan supaya Kementerian Sumber Manusia hendaklah mengkaji dan juga meneliti mana-mana agensi pekerjaan yang telah mengambil pekerja luar, yang tidak menepati kehendak yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah ucapan sulung saya di hari yang pertama ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Azumu dipersilakan.

**5.40 ptg.**

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta di dalam perbahasan ini untuk menyokong sahabat saya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba untuk mengucapkan junjung kasih terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh kita iai.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai dan Anggota-anggota Parlimen kerana menguruskan pembukaan rasmi itu sebegitu baik sekali, terutamanya terhadap Pasukan Kehormatan pada hari itu. Sungguhpun begitu, saya ingin hendak menegur sedikit bahawa di dalam jemputan itu, kita diberitahu dengan terang-terang supaya tiap-tiap seorang itu hendaklah memakai pakaian rasmi mereka sebagai Ahli-ahli Parlimen dan juga tetamu-tetamu yang lain. Teguran saya terhadap Ahli-ahli Parlimen kita yang mana mereka sendiri yang tidak mengikut kehendak sepertimana yang telah diberitahu di dalam jemputan melalui Parlimen itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling menyedihnya ialah kedua-dua Timbalan Speaker Dewan Rakyat sendiri tidak mengikutinya. Ini amatlah menyedihkan sekali walhal jemputan itu adalah dikeluarkan di atas nama Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara ini, Secara peribadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri yang memakai uniform pada hari itu tetapi seperti yang saya katakan, saya berasa sedih terhadap kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli yang lain juga yang mendapat gelaran Tan Sri, mendapat gelaran Dato' daripada negeri-negeri juga tidak memakai. Jika di majlis yang besar seumpama ini Ahli-ahli Parlimen kita tidak memberi penghormatan dengan memakai apa yang-dikehendaki, maka apalah gunanya pihak bertanggungjawab dari Parlimen memberi arahan supaya semua Ahli-ahli berpakaian sedemikian. Saya harap teguran ini dapat diterima dengan baiknya dan ianya tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati sangat tentang Ucapan Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan imuniti Raja-raja di mana Baginda bersyukur kerana ianya telah selesai dan tidak lagi dihebohkan oleh mana-mana pihak, sama ada di peringkat Raja-raja ataupun di peringkat rakyat jelata di negara kita ini. Kita berharap bahawa sifat tanggungjawab oleh Raja-raja di negara kita ini akan diikuti oleh semua keluarga-keluarga mereka dan mereka akan faham apa yang dikehendaki oleh rakyat jelata di negara kita ini dan tidaklah menunjuk-nunjuk seperti apa yang mereka buat pada masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu, pada hari ini masih ada lagi keluarga-keluarga DiRaja ini yang berani melanggar undang-undang negara yang menggunakan kereta-kereta tanpa lesen. Perkara seumpama ini haruslah diberhentikan, dan pihak Kerajaan haruslah mengambil suatu langkah yang tegas supaya rakyat biasa tidak terasa tersinggung, tidak terasa bahawa mereka diberi keutamaan kerana sifat keluarga DiRaja boleh menggunakan kereta-kereta tanpa lesen dan sebagainya. Kadang-kadang pihak Polis tempatan, oleh kerana

segaran kepada mereka itu, maka mereka tidak diambil tindakan. Tetapi rungutan-rungutan ada dibuat, rungutan-rungutan di tepi jalan, di kedai-kedai kopi masih terdengar terhadap masalah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memuji Kerajaan kita dan juga memuji segala tindak-tanduk Menteri-menteri Kabinet kita. Tetapi malangnya, kadangkala pihak Menteri-menteri ini di dalam mereka menjalankan tugas mereka, agak saya tidak begitu adil di dalam memberi kenyataan-kenyataan apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat ataupun perjumpaan yang dianjurkan oleh mereka, oleh Kerajaan ataupun oleh badan-badan yang tertentu. .

Saya mengambil misalan ini terhadap Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menegur Kerajaan Negeri Perak tidak menjalankan tugas dari segi menarik pelaburan ke negeri itu. Walhal mengikut statistiknya, bahawa pelaburan yang diterima oleh negeri yang tersebut, sungguhpun tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang begitu maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang, tetapi ianya memuaskan kita dan usaha-usaha untuk menarik pelabur-pelabur sentiasa dijalankan. Kenapa dan mengapakah seorang Mentari membuat teguran seumpama itu di hadapan khalayak ramai di mana jika mengikut keadaan yang baik, pertamanya, Menteri seumpama ini harus sama-sama menolong supaya kalau tidak cukup pelaburan di dalam negeri yang berkenaan, sebagai seorang Menteri adalah menjadi tanggungjawabnya bersama untuk menarik seberapa ramai pelabur di mana negeri-negeri yang difikirkannya patut ditolong itu,

Tuan Yang di-Pertua, yang malangnya, Menteri ini juga datangnya

dari negeri Perak dan sudah tentulah sepatutnya kita sebagai rakyat biasa, akan berkata, "seorang yang datang dari negeri itu sepatutnya menolong lebih kepada negerinya". Tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia, maka kita haruslah berfikir adil dan Menteri berkenaan bolehlah memberi keutamaan di mana-mana negeri yang difikirkannya perlu. Usaha yang dibuat oleh Menteri berkenaan cuma untuk menarik pelaburan menanam tembakau di kawasannya sahaja di mana kita fikirkan pada keadaan hari ini pelaburan seumpama itu tidaklah begitu menarik, tetapi sebagai tanda khidmat beliau, maka difikirkan penanaman tembakau adalah lumaian. "Mungkin ada angka-angka kajian telah dibuatnya tetapi sebagai seorang rakyat biasa, mengikut kajian saya, ini tidak akan memberi keuntungan yang banyak kepada penduduk-penduduk di kawasan itu,

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya adalah, supaya Menteri-menteri Kabinet ini dapat berfikir dan mengeluarkan apa-apa tuduhan itu setelah membuat beberapa penyiasatan, bukanlah mengeluarkan kenyataan-kenyataan peribadinya sahaja kerana saya yakin semua Menteri ini mendapat maklumat yang betul dan tepat, kalau tidak daripada Kementerianya sendiri, tetapi daripada sumber-sumber lain dan sebagai seorang Menteri dapat menggunakan Sumber-sumber Kerajaan yang sebegitu banyak di dalam negara kita ini yang boleh dikatakan begitu canggih pada hari ini.

Tuan Yang di-pertua, bercakap tentang pelaburan ini, saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan, apakah dasar mereka tentang penarikan pelabur-pelabur luar negeri itu masuk ke negara kita ini? Ada Menteri-menteri menyatakan bahawa apabila lawatan-lawatan yang dibuatkan oleh mereka ke luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur ini, maka biasanya Wakil Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun ada dibawa bersama, dan biasanya mereka ini mengikuti misi-misi lawatan ke luar negeri ini. Ini amat baiksekali. Tetapi malangnya ada juga pihak Kerajaan Pusat pula mengatakan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri sepatutnya jangan membuat lawatan ke luar-negeri untuk menarik pelaburan, biarlah diserahkan sahaja kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Maka ini ada percanggahan.

Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengatakan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri tidak harus digalakkan membuat lawatan untuk menarik pelaburan ini. Walhal di dalam kita hendak menarik pelaburan ini, kita tidak boleh mengharapkan daripada Kerajaan Pusat sahaja, kerana sumber-sumber yang lain yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri begitu banyak sekali. Kadangkala pegawai-pegawai di peringkat Negeri lebih cekap daripada pegawai-pegawai di peringkat Pusat. Ini kerana mereka ada contact yang agak lebih baik. Semuanya ini adalah hendak menolong negara kita pada keseluruhannya. Oleh itu, adalah penting supaya pihak Kerajaan memberi lebih perhatian terhadap lawatan-lawatan luar negeri ini dan memberi kebebasan kepada Kerajaan-

kerajaan Negeri, dan di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri pula memberi kebebasan kepada Badan-badan Berkanun yang ada di negeri-negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam kenyataan-kenyataan mereka selalu menyatakan bahawa Badan-badan Berkanun yang ada di bawah Kementerian tersebut akan **disatukan**. Badan-badan itu seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya. Saya ingin bertanya apakah kemajuan terhadap kajian ini sehingga sekarang ini? Pengumuman yang dibuat sudah begitu lama sekali, dan sehingga hari ini Badan-badan Berkanun yang besar-besar ini masih berjalan mengikut keadaan lama juga, belum lagi disatukan sebagai satu agensi Kerajaan. Oleh itu saya agak kerja-kerja seumpama ini haruslah dipercepatkan, dan saya ingin bertanya setakat manakah kemajuan kajian untuk menyatukan Badan-badan Berkanun tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, di masa Pertanyaan Jawab Mulut apabila Dewan kita mula bersidang tadi, saya telah cuba bertanya kepada Kementerian Pengangkutan terhadap masalah "Operasi Berat Lori" yang dijalankannya. Apa yang berlaku pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih kurang sebanyak 300 buah Lori berhenti di kiri-kanan jalan di antara Slim River dengan Tanjong Malim, kerana di kawasan Tanjong Malim diadakan "Operasi Berat Lori" ini, maka untuk mengelakkan daripada ditangkap, pemandu-pemandu lori ini terpaksa menunggu di kiri-kanan jalan itu sehingga pihak yang penguatkuasa selesai membuat kerja mereka, kerana mereka tahu operasi dijalankan di antara satu jam atau dua jam. Maka dalam masa dua jam itulah sebanyak lebih kurang 300 buah lori menunggu di kiri-kanan jalan. Ini nampak sungguh aneh sekali di dalam kita menjalankan operasi,

di masa penangkapan hendak dibuat, semua lori berhenti. Apabila selesai sahaja kerja, pegawai penguatkuasa berhenti dari operasi lori mulalah berjalan seperti biasa mengikut berat apa yang mereka suka bawa - tiga tan lori bawa lima tan pun tak mengapa. Begitulah lebih kurang. Apabila ditanya Kerajaan pada petang tadi., Kerajaan tidak sanggup menjawab. Jawapannya ianya tidak kena-mengena dengan soalan asal. Tetapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, apa salahnya jawab, "saya tak tahu hal itu, nantilah saya siasat".

Ataupun kita tegur pemandu-pemandu lori ini, kalau tahu membawa barang-barang yang begitu berat lori mereka, mereka haruslah berhentikan kerja-kerja damikian. Jawapan yang senang boleh dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi jika dikatakan tidak kena-mengena dengan soalan dan sebagainya, rasa saya tidaklah kena pada tempatnya, maka inilah teguran yang saya buat supaya perkara-perkara ini dapat diketahui oleh ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa cadangan Datuk pula?

**Dato' Azumu bin Tak:** Ini Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri ada tadi - saya selalu hormatkan Timbalan Menteri Pengangkutan ini. Sungguhpun Timbalan Menteri wanita tetapi cekap bekerja. Apabila dia tak hendak, tak mahu menjawab itu, saya pun hairan juga, kerana it is a very simple question dan senang sangat untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Pengangkutan lagi sekali saya ingin hendak bertanya bahawa Kerajaan telah berbelanja lebih kurang RM70 juta untuk membina Lapangan Terbang Pulau Pangkor, Negeri Perak. Tetapi mengikut kenyataan akhbar baru-baru ini, pihak

Jabatan Kerja Raya masih hendak memeriksa run-away itu yang dikatakan tidak mengikut spesifikasi Civil Aviation. Jika jumlah wang yang sebegitu besar telah dibelanjakan, tetapi tidak dapat digunakan, saya ingin bertanya bagaimanakah kajian pada awalnya yang dibuat oleh pihak Kerajaan, oleh pihak Kementerian Pengangkutan ini? Saya yakin bahawa sebelum projek ini dijalankan, pihak Kerajaan telahpun membuat beberapa kajian. Beberapa kertas kerja disediakan dan beberapa mesyuarat telah dijalankan. Tetapi malangnya apabila semuanya sudah siap dan mengikut pengetahuan orang biasa seperti saya ini, lapangan terbang itu boleh digunakan dengan serta-merta. Atau sepatutnya ianya boleh digunakan pada pertengahan tahun yang lalu. Tetapi hari ini, Jabatan Kerja Raya mengatakan bahawa run-away itu tidak boleh digunakan, oleh kerana ia tidak mengikut spesifikasi Civil Aviation. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kerajaan apakah keadaannya sekarang, dan apakah langkah-langkah supaya lapangan terbang ini dapat digunakan? Adakah benar bahawa untuk memulihkan run-away ini supaya ianya boleh digunakan, Kerajaan memerlukan lebih RM100 juta lagi untuk ianya beroperasi?

Saya ingin bertanya sama ada ini benar ataupun tidak. Jika ianya tidak benar, berapakah peruntukan tambahan yang dikehendaki dan bilakah ianya boleh digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak jika masalah-masalah kecil seumpama ini diberi perhatian dengan sepenuhnya oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, maka segala urusan-urusan Kerajaan dapat diterima dengan baiknya oleh semua rakyat dan dengan itu tidak menyampaikan atau menjadikan masalah kepada kita semua. Kita tidak suka mendengar rungutan-rungutan orang ramai, apabila satu-satu projek itu disediakan, maka ianya tidak dapat digunakan selepas itu. Apabila sesuatu projek yang kita hendak jalankan, biasanya Kerajaan terpaksa mengambil (acquire) tanah orang kampung dan perkara biasalah sebelum acquisition itu dibuat begitu, boleh dikatakan semua orang kampung marah, oleh kerana mereka sungguhpun suka berkehendakkan pembangunan, tetapi apabila tanah mereka terpaksa diambil, banyaklah bantahan-bantahan diterima.

Dan pemimpin-pemimpin tempatan terpaksa mempengaruhi mereka, memujuk mereka supaya menerima apa yang dikehendaki oleh Kerajaan itu. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kecil ini, kerana dengan nasihat-nasihat mereka, orang-orang kampung menerima, mendengar nasihat pemimpin-pemimpin kecil ini. Tetapi, apabila perkara itu sudah siap, jika ianya tidak dapat digunakan, orang-orang kampung yang serupa juga akan bertanya kepada pemimpin-

pemimpin kecil itu. Sudah tentulah pemimpin-pemimpin kecil itu tidak dapat menjawabnya kerana jika perkara-perkara yang begitu tinggi teknikal masalahnya, maka tidak upaya mereka ini menjawabnya. Maka janganlah mengeluarkan kenyataan-kenyataan rasmi supaya didengar oleh semua orang, supaya segala-galanya dapat diketahui dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, sekejap!

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacitalah membuat sedikit ingatan, bahawa perbahasan mengenai Titah DiRaja ini diberikan masa semua sekali empat hari iaitu hari ini, Selasa, Rabu sehingga Khamis. Hari Khamis juga Menteri-menteri akan memberikan jawapan.

Oleh itu saya suka memberi ingatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, supaya ambillah peluang untuk sama-sama kita berbahas kerana sebentar tadi, saya sudah rasa agak genting keadaannya, sudah hampir macam tidak ada lagi, nasib baiklah Yang Berhormat Dato' Azumu Tak, dia memandang ke kiri kanan, dia pun bangun. Jadi, kita 'safe' hari ini, kalau tidak Menteri menjawab, habis peluang tiga empat hari itu. Jadi, hendaknyalah Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersedialah sedikit, ambil peluang tiga empat hari ini - berbahaslah, kerana Ucapan DiRaja merangkumi segala aspek, saya rasa apa sahaja yang

diperkatakan tidak, dalam bahasa Inggeris 'out of point'. Hal keselamatan ada, sukan ada, ekonomi ada, keagamaan ada, kekeluargaan ada - bercakaplah. Inilah waktunya bercakap dan saya rasa Ahli-ahli yang baru pun semuanya sudah habis bercakap. Itulah satu tanda yang baik. Jadi, Ahli-ahli lama yang 'veteran' itu, cubalah memberi ilham kepada orang-orang yang baru ini.

Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri berucap.

**6.05 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Hazri bin Abdul Aziz:** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Memang benarlah, sepertimana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu dalam perbahasan ini sudah tentulah apa juga perkara yang hendak dibangkitkan adalah tidak keluar daripada tajuk, kerana ia memang merangkumi segala aspek yang harus diperbahaskan, yang ada kaitan dengan kepentingan negara kita.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Perdana Menteri Malaysia yang telah menangani masalah berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan atas tajuk immunity Raja-raja yang telah berjalan dengan baik sehinggalah pada

bulan Januari kita mengadakan satu sidang khas Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan kemudiannya apabila Yang di-Pertuan Agong mengembali Rang Undang-undang itu kepada kedua-dua Dewan, maka sekali lagi kita telah mengadakan sidang khas pada bulan Mac iaitu pada ketika kita menjalankan amal puasa pada bulan Ramadan pada ketika itu.

Saya kira, mungkin di kalangan rakyat tidak tahu betapa seriusnya kalau sekiranya perkara ini, dengan izin, 'go out of hand' Sebenarnya, apa yang telah berlaku ialah satu revolusi tanpa pertumpahan darah, tetapi satu revolusi yang telah dijalankan dengan penuh kewajipan dan bertanggungjawab di pihak Kerajaan untuk menyelesaikan satu masalah. Kalau sekiranya tidak diselesaikan pada ketika ini, sudah tentulah perkara ini akan berbangkit semula sama ada lima tahun, enam tahun atau sepuluh tahun daripada sekarang. Pada ketika itu kalaulah perkara ini berbangkit, sepuluh tahun daripada sekarang, kemungkinan penyelesaiannya itu tidaklah sepertimana yang dapat kita selesaikan sekarang. Kamungkinan besar penyelesaian yang mungkin dicapai kalau sekiranya perkara ini diselesaikan sepuluh tahun daripada sekarang, banyaklah perkara-perkara institusi-institusi yang akan diselesaikan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu, kita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, kerana kita semua sedia maklum di sini bahawa sebenarnya, memang satu revolusi telah berlaku. Tidak siapa memikirkan bahawa

di akhir perkara ini, tidak siapa menjangkakan iaitu kita akan dapat satu penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak.

Tetapi bersyukur kita kepada Allah S.W.T., dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, walaupun ada golongan-golongan yang tertentu, yang cuba hendak 'menangguk di air keruh', dan cuba untuk menggagalkan usaha murni Kerajaan itu, namun kita sebagai orang Islam yang percaya bahawa yang baik itu semuanya datang daripada Allah S.W.T., maka sudah tentulah kebaikan yang kita capai menerusi penyelesaian masalah ini sememangnya itu adalah di atas keredhaan Allah S.W.T. Maka oleh kerana itu, kita cukup yakin dan percaya apa juga yang kita buat untuk rakyat dan negara kita sudah tentulah mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ada dibangkitkan mengenai perkara immunity ini yang telah diselesaikan. Hasil daripada penyelesaian soal immunity ini, maka kita tahu bahawa satu kata sepakat telah tercapai di mana kita bersetuju untuk mengadakan satu mahkamah khas yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Kita telah berbincang dengan begitu panjang lebar dalam perkara ini dan dalam soalnya ialah saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan iaitu sekarang ini setakat manakah Mahkamah Khas itu telah dilaksanakan? Saya rasa, ini satu perkara yang hendak diketahui oleh rakyat jelata kerana kita merasakan bahawa pengwujudan mahkamah ini tidaklah seharusnya diperlewatkan. Walaupun masalah immunity ini telahpun diselesaikan, tetapi kita lihat banyak perkara yang sedang berlaku pada ketika ini yang akhirnya mereka akan bertanya apakah mahkamah yang hendak diwujudkan ini mempunyai jurisdiction, dengan izin, untuk mendengarkan beberapa perkara yang sedang berlaku di tanahair kita ini.

Dalam soal Mahkamah Khas ini kita lihat ianya berkuasa untuk mendengar pertikaian di antara golongan Raja dengan golongan rakyat. Ini satu prinsip yang telah banyak kita perbincangkan di mana Mahkamah Khas ini akan mengendalikan kes di antara rakyat dengan Raja ataupun Raja dengan rakyat. Apa yang kita hendak tahu di sini ialah apakah mahkamah ini mempunyai, jurisdiction, dengan izin, untuk mendengar kes di antara Raja dengan Raja. Sebab kita semua tahu bahawa di dalam negara kita ini tidak ada satu badan yang boleh menyatakan bahawa keputusan yang dibuat oleh badan itu, kalau adalah

mana-mana pihak yang merasa terkilan, maka tidak ada badan yang lain yang boleh mendengar kes rayuan bagi pihak yang terkilan itu,

Maksud saya di sini ialah kita melihat banyak negeri di dalam negara kita ini yang mempunyai Raja-raja sebagai Sultan di negeri masing-masing, mereka juga tidak sunyi daripada soal yang mana ada pihak yang merasakan Sultan yang memegang jawatan pada ketika ini adalah dirasakan tidak berhak memegang jawatan yang mereka pegang pada ketika ini. Ada badan-badan yang memang telah diberi kuasa di bawah Perlembagaan negeri masing-masing dan mereka berhak untuk menentukan siapakah yang sebenarnya berhak untuk menjadi Sultan di negeri-negeri yang berkenaan. Saya ingin bertanya, apakah badan-badan seperti Jawatankuasa ataupun Majlis Perajaan Negeri yang menentukan individu-individu tertentu untuk menjadi Sultan? Apakah mereka boleh bertanya kepada diri mereka sendiri bahawa mereka cukup dengan keputusan yang telah diambil oleh Majlis Perajaan ini adalah satu keputusan yang tidak boleh dipertikaikan lagi? Apakah mereka merasakan bahawa mereka adalah merupakan badan yang tertinggi sekali, iaitu segala keputusan yang telah diambil oleh mereka ini tidak boleh langsung dibuat rayuan kepada badan yang lebih tinggi? Ini yang saya hendak tahu.

Apakah Majlis Perajaan ini merupakan orang-orang yang maksum? Di mana keputusan mereka itu adalah satu keputusan yang baik dan mereka itu tidak dipengaruhi oleh soal-soal politik? Mereka ini tidak dipengaruhi oleh soal-soal bahawa kemungkinan mereka ini disogok, kalau sekiranya seseorang yang mahu menjadi Sultan kemungkinan telah memberi janji-janji kepada Ahli-ahli Majlis

Perajaan ini, iaitu kalau sekiranya aku dilantik untuk menjadi Sultan maka kamu akan diberikan satu imbuhan yang harus diberikan di atas peranan kerana telah bersetuju untuk melantik aku sebagai Sultan.

Saya ingin bertanya mengenai perkara ini kerana ianya penting. Kalau kita tengok di sini, dewasa ini banyak persoalan telah dibangkitkan tentang kebijaksanaan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Perajaan ini. Kita tengok ada pihak yang pada ketika ini telah bangkit mempersoalkan mengapa dia tidak menjadi Sultan, jika sekiranya datuknya dahulu menjadi Sultan dan bapanya merupakan anak yang paling sulung daripada datuknya yang dahulu menjadi Sultan. Jadi, persoalan ini berbangkit. Kita sebagai rakyat juga ingin tahu macam mana keputusan dibuat, iaitu kalau Sultan ada 5 anak, maka lumrahnya dan lazimnya yang sulung akan menjadi Sultan, tetapi mengapa dia tidak menjadi Sultan? Jadi, saya rasa, soal siapa yang menjadi Sultan di mana-mana negeri itu tidak boleh dikatakan bahawa ini adalah soal yang hanya boleh diputuskan oleh Majlis Perajaan sahaja. Sebab Majlis Perajaan ini adalah memilih seseorang itu untuk menjadi Sultan kepada seluruh rakyat yang ada di dalam negeri-negeri yang berkenaan. Oleh kerana itu.....

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada laluan. Silakan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Yang Berhormat Nazri, siapakah, Raja manakah, dan sila beri satu contoh yang khusus negeri manakah yang dikatakan kesahihan Raja yang dipertikaikan itu? Kalau dapat disebut secara spesifik kepada Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Mohamed Hazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha. Yang paling ketara sekali ialah negeri Kelantan. Hari-hari kita tengok keluar dalam suratkhobar iaitu sudah ada seorang anak Raja yang mahu menuntut takhta Sultan Kelantan yang saya percaya seseorang itu kalau menggunakan apa yang kita kata sebagai pepatah Melayu yang diamalkan oleh kita "Berani kerana benar, takut kerana salah", maka beraninya anak Raja ini untuk menuntut takhta di negeri Kelantan itu adalah kerana dia benar. Kalau tidak dia hanya membuang masa. Saya hendak memberitahu iaitu kalau saya sendiri ada bukti menunjukkan bahawa saya boleh menjadi Sultan Kelantan, maka saya juga akan menuntut, sebab "Berani kerana benar". Kalau ada pihak-pihak tertentu yang cuba hendak merajuk dengan berkata "kalau tidak menjadi Sultan pun tidak apa", itu adalah kerana salah dan kerana dia sudah takut.

Dalam sebuah negara yang mana kita mengamalkan demokrasi dan menegakkan keadilan, saya merasakan bahawa satu keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Perajaan atau mana-mana badan sekalipun, kalau sekiranya ada seorang yang mengata terkilan dan mahu membuat sesuatu tuntutan dan ingin merayu di atas keputusan yang dibuat oleh sesuatu Majlis itu, saya rasa ini mesti dilayan. Sebab apa? Sebab negara kita menegakkan keadilan. Kita mesti pastikan bahawa di dalam negara kita ini keadilan itu mesti ditegakkan. Sesiapa yang merasa terkilan di atas sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh mana-mana Majlis yang boleh menyebabkan dia tidak mendapat sesuatu yang sepatutnya menjadi haknya, mesti ada badan yang lebih tinggi

untuk dia merayu. Kerana apa? Kerana ini adalah merupakan menegakkan suatu keadilan sepertimana yang dituntut oleh agama Islam kita.

Sebab itu, saya telah sebutkan sebentar tadi, saya tidak boleh terima kalau Majlis Perajaan berkata bahawa soal individu mana yang akan menjadi Sultan itu adalah merupakan hak yang hanya boleh diputuskan oleh Majlis Perajaan, kerana itu adalah kuasa yang diberikan kepada Majlis ini, maka ini tidak boleh. Sebab, kalau orang hendak memutuskan untuk memilih seseorang manusia menjadi Sultan, dan kalau Sultan itu hendak menjadi Sultan di sesebuah negeri yang mana saya menjadi rakyat, maka saya berhak untuk tahu mengapa manusia yang lainnya ditolak dan tidak boleh menjadi Sultan. Ini hak saya. Sebab dia hendak menjadi Sultan saya. Dalam zaman sekarang ini, saya tidak boleh terima yang mana orang tunjuk kepada kita - ini dia Sultan kamu dan kita sebagai rakyat mesti akur dan terima keputusan yang dibuat oleh Majlis. Ini tidak boleh diterima sekarang.

Hari ini Perdana Menteri kita bukan seorang manusia yang mana kita ambil, letak di situ dan kita kata rakyat hendak yang ini. Tidak! Perdana Menteri kita dipilih oleh rakyat. Rakyat jelata mana yang memilih dia? Rakyat jelata yang memilih dia ialah mereka yang menjadi pengundi di dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu, yang bermakna rakyat memilih dia untuk menjadi Wakil Rakyat.

Siapa pula yang memilih dia menjadi Perdana Menteri? Parti Barisan Nasional yang mewakili majoriti yang duduk dalam Dewan Rakyat telah memilih dia menjadi Perdana Menteri. Bermakna Perdana Menteri dipilih oleh rakyat. Sebab itu Sultan, kalau dia hendak menjadi Sultan, maka Majlis Raja-Raja juga harus beritahu kepada kita kalau sekiranya ada orang yang tidak dipilih oleh Sultan, maka hendak beritahu kepada kita alasan mengapa orang itu tidak menjadi Sultan.

Zaman sekarang "open system". Dahulu boleh, kerja ini cuma Majlis Raja-Raja sahaja yang boleh putuskan, rakyat tidak berhak tahu. Dahulu boleh, sekarang tidak boleh. Sekarang kita hendak tahu, kalau ada orang yang mana sepatutnya mempunyai hak untuk menjadi Sultan, kalau dia ditolak dan kalau dia ada kes, maka kita mahu supaya kes ini didengar di dalam satu badan yang mana kes ini boleh dibawa,

Saya ingin bertanya mengenai kaitannya dengan Mahkamah Khas di sini iaitu di dalam Mahkamah Khas ini, apakah dia mempunyai jurisdiction untuk mendengar kes yang mana Raja lawan Raja. Sebab di dalam sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lepas, kita cuma dengar cakap, kalau Raja lawan rakyat, rakyat lawan Raja, maka ini Mahkamah Khas ini dibentuk untuk menyelesaikan pertikaian di antara Raja dengan rakyat. Kalau Raja dengan Raja macam mana? Sekiranya pada ketika ini kalau jawapannya negatif, iaitu sekiranya jawapannya mengatakan bahawa Mahkamah Khas tidak mempunyai

jurisdiction untuk mendengar kes tuntutan di atas mana-mana takhta, maka kita hendak tahu mengapa jurisdiction ini tidak ada pada Mahkamah Khas.

Kita mahu sesiapa sahaja yang terkilan, mesti ada satu badan yang lebih tinggi untuk mendengar rayuan orang yang terkilan ini. Kita mahu perkara ini dibangkitkan supaya kes sepertimana yang berlaku di Kelantan ini yang saya rasa bahawa Tengku Ibrahim ibni Almarhum Tengku Indra Petra, kalau sekiranya dia tidak ada kes, dia tidak akan bangkitkan perkara ini. Almarhum Tengku Indera Petra ini adalah anak sulung kepada Tengku Ibrahim Petra. Mengikut lumrah, selalunya anak lelaki sulung akan menaiki takhta. Jadi, kita hendak tahu, apa kesnya yang menyebabkan sehingga Almarhum Tengku Ibrahim Petra tidak memilih anaknya yang sulung menjadi Sultan? Ini kita hendak tahu. Sebab apa? Sebab Sultan sudah masuk kes politik, sekarang kita hendak tahu kes dia juga. Dengan izin, I think this is fair, you ambil tahu hal kita, kita mesti ambil tahu hal you juga. You jangan ingat you duduk di atas, kita tidak boleh sentuh you.

Sekarang kita hendak tahu dalam masyarakat yang begitu terbuka pada ketika ini, adalah menjadi hak kita untuk mengetahui mengapa anak Almarhum Indera Petra tidak menjadi Sultan sepertimana lumrah sepatutnya dia menjadi Sultan. Majlis Perajaan mesti beri jawapan kepada kita. Kepada Kementerian Kehakiman, saya ingin tahu dan ingin bertanya di sini, pertamanya, apakah Mahkamah Khas ini telah

diwujudkan? Sekiranya ia telah diwujudkan, saya ingin tahu apakah kes di mana Raja yang bertikai dengan Raja ini, maka Mahkamah Khas boleh dengar kes ini? Kalau jawapannya tidak, saya hendak tahu mengapa dan kalau saya tahu mengapa, saya hendak dimulakan satu tindakan yang mana Mahkamah Khas ini mesti diberikan jurisdiction untuk mendengar kes-kes pertikaian penuntutan ke atas takhta di antara Raja dengan Raja. Sebab rakyat ada hak untuk mengetahui mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu kes Kelantanlah.

**Tuan Hanipah bin Ahmad: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Hanipah minta laluan. Silakan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat, adakah sudah tidak ada lagi negeri-negeri yang warisannya berhak menuntut takhta-takhta lagi?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar, bukan Kelantan sahaja - banyak negeri. Negeri saya negeri Perak, ada juga. Negeri Terengganu, kita dengar bahawa ada seorang Tengku Sulaiman yang pernah menjadi Sultan dan telah disuruh turun daripada takhta oleh penjajah....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa anak Sultan Sulaiman.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Anak Sultan Sulaiman, minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Namanya? Saya tak ingat.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tengku Ali. Minta maaf. Yang di-Pertua lebih arif mengenai perkara ini. Jadi, saya mohon maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak berapa arif. Kebetulan tahu sahaja. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tengku Ali ibni Almarhum Tengku Sulaiman, betul Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul, betul.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia telah disuruh turun takhta oleh pihak penjajah Inggeris pada ketika itu, dalam zaman peperangan dengan Jepun dan kemungkinan Tengku Ali ini adalah merupakan seorang Sultan yang mempunyai semangat kebangsaan dan nasionalisma yang- tidak disenangi oleh orang-orang Inggeris, maka disuruh turun dari takhta.

Dia juga mempunyai hak untuk menuntut takhta Sultan di negeri Terengganu. Maka, oleh kerana itu, saya rasa Mahkamah Khas ini juga perlu dibentuk dengan secepat mungkin dengan memberi kuasa untuk mendengar kes-kes seperti ini. Saya dengar juga di negeri Johor, di sana ada juga kes yang tidak begitu betul. Di Negeri Sembilan, di negeri Perlis - negeri Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan kepada saya. Banyak negeri lagi, cukuplah setakat itu sahaja saya sebut. Cuma 9 negeri sahaja yang ada Sultan. Kalau saya sudah sebut 6, itu adalah majoriti dan bermakna, dengan izin, adanya urgency untuk menubuhkan Mahkamah Khas ini dan diberi kuasa untuk

mendengar kes tuntutan kepada takhta ini. Ini mesti dipercepatkan kerana kes yang hendak datang ini begitu banyak. Jadi, oleh kerana itu, mesti dipercepatkan dan sepertimana yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa ini mesti dilayan.

Persoalan yang kedua yang saya tanya kepada Kementerian Kehakiman itu iaitu sama ada kuasa ini ada kepada Mahkamah Khas untuk mendengarkan kes seperti ini, mesti diberitahu kepada kita secepat mungkin kerana kalau tidak kita hendak supaya Parlimen memberi kuasa, Parlimen memberi kuasa kepada Mahkamah Khas ini untuk mendengar kes-kes pertikaian di antara anak-anak Raja di atas tuntutan takhta yang ada pada ketika ini.

Saya rasa, yang berkuasa sekali ialah rakyat. Saya ingat kalau dulu penjajah, dia datang ke negara kita, dia memerintah maka dia pasti dan memutuskan siapa boleh jadi Sultan. Maka saya rasa pada ketika ini kita sudah halau penjajah itu balik ke negeri mereka, yang berkuasa kita, oleh kerana kita pun Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Negara tidak ada masa yang begitu banyak untuk mendengar kes-kes ini, wajarlah bagi kita untuk memberikan kuasa ini kepada Mahkamah Khas supaya menentukan siapa yang berhak untuk menuntut takhta yang menjadi pertikaian di kalangan anak-anak Raja ini.

Tuan Yang di-Pertua, belum tegur saya lagi untuk duduk, tidak apa. Itu perkara pertama yang kita hendak tahu mengenai perkembangan seterusnya tentang Mahkamah Khas ini.

Saya ingin bercakap seterusnya berkenaan dengan Aurad Muhammadiyah. Berita Terkini - sekarang ini dalam TV3, kita sedang tengok dalam televisyen "Berita Terkini" - Berita Terkini yang telah kita terima....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maknanya?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berita terkini ini maknanya, dengan izin, the latest. Maknanya yang terakhir, yang mutakhir sekali. Maknanya yang saya dengar kira-kira satu second sebelum ini saya dengar, walaupun saya dengar lebih awallah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, oleh kerana terkini juga...

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terkini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya harap "terkini", sudah dekat 6.30, jadi saya- beri peluang kepada Tuan Nazri sambung esok. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohamed Nazri binti Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Biar dia orang ini tertunggu-tunggu hendak tahu esok, dia masuk semua ke sini.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 pecang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

